



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

# LAPORAN TAHUNAN 2021



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:  
KEMENTERIAN PERADUAN NEGARA  
Aras 5-10, Kompleks F, Blok F9  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 Putrajaya

Diterbit oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

KEMENTERIAN PERADUAN NEGARA

Aras 7, Kompleks F, Blok F9

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 Putrajaya

*Hakcipta Pencetak:*

*Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Perpaduan Negara.*

# ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara	<b>4</b>
Perutusan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara	<b>5</b>
Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara	<b>6</b>
<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>7-10</b>
<b>LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR KETUA SETIAUSAHA</b>	<b>11-48</b>
1. Unit Integriti	
2. Unit Audit Dalam	
3. Unit Komunikasi Korporat	
4. Pejabat Penasihat Undang-Undang	
<b>LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR PENGURUSAN</b>	<b>49-75</b>
1. Bahagian Khidmat Pengurusan	
- Seksyen Sumber Manusia	
- Seksyen Kewangan dan Perolehan	
- Seksyen Pentadbiran dan Aset	
- Seksyen Pembangunan	
2. Bahagian Pengurusan Maklumat	
3. Bahagian Akaun	
<b>LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR DASAR</b>	<b>77-106</b>
1. Bahagian Dasar dan Perhubungan Antarabangsa	
2. Bahagian Perhubungan Masyarakat	
3. Bahagian Pembangunan Masyarakat	
4. Sekretariat Majlis Perpaduan	
<b>LAPORAN AGENSI</b>	<b>107-137</b>
1. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)	
2. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	



## PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Perpaduan.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, Kementerian Perpaduan Negara memperlihatkan prestasi cemerlang walaupun terpaksa mengharungi perit getir dan cabaran pada tahun 2021. Cabaran luar biasa ini berjaya kita ditempuhi apabila seluruh warga sentiasa bergandingan bahu berjuang untuk memberikan perkhidmatan terbaik buat Keluarga Malaysia. Tahniah saya ucapkan.

Dalam usaha merealisasikan aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian begitu komited merangka pelbagai inisiatif dan strategi bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan. Tiga aspek utama yang sentiasa diberi penekanan dalam setiap pengisian program-program perpaduan termasuklah kebersamaan, keterangkuman dan kesyukuran. Sokongan padu daripada agensi di bawah Kementerian seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) merupakan tonggak utama dalam memastikan agenda perpaduan nasional terus didukung.

Dasar dan pelan yang dibangunkan oleh Kementerian seperti Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (PTPN), Pelan KAMI@ Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030, Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Rukun Tetangga (RT4All) perlu diterjemahkan dalam konteks penghayatan nilai-nilai perpaduan agar pelaksanaan program-program yang diatur dapat dilihat, didengar dan dirasa oleh seluruh Keluarga Malaysia.

Besarliah harapan saya agar Kementerian dapat mengekalkan kecemerlangan pada tahun 2022 nanti. Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan buat seluruh warga Kementerian di atas segala usaha dan komitmen yang diberikan yang pasti membawa kemakmuran dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**  
Menteri Perpaduan Negara

## PERUTUSAN YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Perpaduan.

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, warga Kementerian Perpaduan Negara berjaya menempuh cabaran dan rintangan tahun 2021 dengan jayanya dan dapat merealisasikan setiap perancangan dan inisiatif Kementerian berjalan dengan lancar.

Bagi memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia terus dikecapi, Kementerian sentiasa menawarkan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan telus kepada semua pelanggan. Setiap perancangan diatur dengan teliti dan pelaksanaannya di lakukan dengan penuh dedikasi. Syabas saya ucapkan.

Sesungguhnya usaha memperkukuh semangat perpaduan dan mengeratkan hubungan masyarakat berbilang bangsa melalui program-program di bawah Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (PTPN), Pelan KAMI@ Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030, Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Rukun Tetangga (RT4All) haruslah terus diberikan perhatian agar pelaksanaannya memberi impak yang berkesan kepada komuniti.

Semoga nilai kebersamaan dan semangat muhibbah yang terjalin ini akan terus kekal dan mencipta keharmonian dalam kalangan Keluarga Malaysia.

**YB SENATOR TUAN WAN AHMAD FAYSHAL BIN  
WAN AHMAD KAMAL**

Timbalan Menteri Perpaduan Negara



## PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Perpaduan.

Marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah rahmat-Nya Kementerian telah berjaya meneruskan usaha cemerlang dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program di sepanjang tahun 2021 meskipun berdepan dengan era pemulihan pasca pandemik Covid-19.

Tahun 2021 merupakan tahun yang sangat mencabar buat seluruh rakyat Malaysia dalam membiasakan diri dengan norma baharu. Walau bagaimanapun, komitmen yang diberikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam mendukung aspirasi perpaduan dan terus menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti Keluarga Malaysia begitu membanggakan. Semoga pelaksanaan pelan dan inisiatif yang dirancang oleh Kementerian khususnya Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (PTPN), Pelan KAMI@ Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030, Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Rukun Tetangga (RT4All) yang telah dilancarkan pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara atas segala usaha dan pengorbanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi. Pepatah berat sama dipikul ringan sama dijinjing yang menjadi amalan kerjasama erat seluruh warga dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif Kementerian ini wajar diberikan pujian.

Saya amat berharap agar seluruh warga dapat terus bersikap proaktif dalam menyemarakkan lagi agenda perpaduan nasional.

**DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM**

Ketua Setiausaha Kementerian

# MAKLUMAT KORPORAT

## SEJARAH PENUBUHAN


Pada 1 Januari 1972, Jabatan Perpaduan Negara telah digabungkan dengan Pejabat Muhibah Negara dan dinaikkan taraf kepada Kementerian Perpaduan Negara. Kementerian ini bertanggungjawab untuk menyelaras tugas-tugas Penasihat Perpaduan Negara, Majlis Muhibah di peringkat pusat dan Jawatankuasa Muhibah di peringkat negeri dan daerah.

Pada tahun 1974, Kementerian Perpaduan Negara telah ditukar tarafnya ke Lembaga Perpaduan Negara dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada bulan Februari 1980, Lembaga Perpaduan Negara telah digabungkan dengan

Urus Setia Rukun Tetangga. Setelah penyusunan semula, mulai 1 Januari 1983 Lembaga Perpaduan Negara telah ditukar nama ke Jabatan Perpaduan Negara dan mulai 27 Oktober 1990, Jabatan ini telah diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Berikutan penyusunan semula Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan pada 27 Mac 2004, Jabatan Perpaduan Negara telah diubah nama ke Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, hasil daripada penyusunan semula Kementerian dan Jabatan pada 18 Mac 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Namun, pada April 2009, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah sekali lagi diletakkan kembali di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan dan sebanyak dua (2) agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian.



## VISI

Peneraju Perpaduan Yang Inklusif Ke Arah Kemakmuran Bersama

## MISI

Meningkatkan Usaha Baharu Penyatupaduan Untuk Membina Tapak Integrasi Bagi Pengukuhan Semangat Muhibah Dalam Kalangan Rakyat

## PIAGAM PELANGGAN

Kementerian Perpaduan Negara berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti dan komited di dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	PIAWAI KUALITI PERKHIDMATAN
1.	Pengurusan Aduan/ Pertanyaan/ Cadangan	Kami akan mengakui penerimaan aduan/ pertanyaan/ cadangan anda dalam tempoh SATU (1) hari bekerja;  Kami akan memberi maklum balas terhadap aduan/ pertanyaan/ cadangan anda dalam tempoh selewat-lewatnya TIGA (3) hari bekerja.
2.	Pengurusan Maklum Balas dan Input berkaitan KPN	Kami akan menyediakan maklum balas berkaitan KPN dalam masa TUJUH (7) hari setelah menerima permohonan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan dan orang awam.
3.	Penyediaan Ulasan Memorandum Jemaah Menteri (MJM)	Menyediakan ulasan bagi Memorandum Jemaah Menteri dari mana-mana Kementerian dalam masa TUJUH (7) hari dari tarikh penerimaan input Bahagian dan Jabatan.
4.	Pengurusan Kewangan dan Perolehan	Pemprosesan dan pembayaran bayaran bil diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
5.	Pengurusan Sumber Manusia	Memastikan surat arahan penempatan kepada pegawai yang baharu lapor diri disediakan dalam tempoh LIMA (5) hari bekerja.

# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN TERTINGGI

**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**  
MENTERI

**TUAN WAN AHMAD FRYSHAL BIN WAN AHMAD KAMAL**  
TIMBALAN MENTERI

**DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MD RADZI**  
KETUA SETIAUSAHA



# LAPORAN BAHAGIAN

## SEKTOR KETUA SETIAUSAHA

1. UNIT INTEGRITI
2. UNIT AUDIT DALAM
3. UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
4. PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

## UNIT INTEGRITI

### LATAR BELAKANG

Unit Integriti Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Unit ini dilihat sebagai *focal point* bagi mengurus isu-isu integriti dan melaksana usaha-usaha membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi.



### OBJEKTIF

Untuk menyelaras perkara berkaitan integriti yang meliputi penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif agar pelaksanaannya lebih berfokus, terancang, dan efisien. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam menetapkan enam (6) fungsi teras unit seperti berikut:



### PEMBANGUNAN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Laporan Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Managment (CRM) Kementerian Perpaduan Negara telah dibangunkan dengan bantuan Institut Integriti Malaysia (IIM) mengandungi profil-profil potensi risiko salah laku integriti dan rasuah yang mungkin boleh berlaku di setiap Bahagian/Jabatan/Unit dalam Kementerian. Laporan ini telah dibangunkan khusus untuk menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di Kementerian. Laporan ini mengandungi pelan tindakan pengurusan risiko yang sistematik dan bersasar ke arah memperkukuhkan tadbir urus Kementerian.



### PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA 2021-2025 (OACP KPN)

Pelan Antirasuah Kementerian Perpaduan Negara (OACP KPN) 2021-2025 telah dibangunkan berdasarkan Pengurusan Risiko Rasuah sebagai satu dokumen dasar antirasuah untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah di Kementerian. Dokumen ini membuktikan komitmen Kementerian dalam membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan seiring dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara bebas rasuah.




**BILANGAN AKTIVITI DI BAWAH FUNGSI TADBIR URUS**

Secara keseluruhan, sebanyak 27 aktiviti tadbir urus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Daripada jumlah ini, sebanyak 19 aktiviti melibatkan pengurusan tertinggi Kementerian seperti Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kementerian, Mesyuarat Pengurusan Kementerian yang membangkitkan isu-isu integriti dan antirasuah dan Sesi Pembentangan Inisiatif Pelan Antirasuah Kementerian. Manakala, sebanyak enam (6) aktiviti melibatkan usaha memperkukuh sistem kawalan dalaman seperti penambahbaikan sistem dan prosedur serta pembangunan garis panduan terutama yang melibatkan pengoperasian pejabat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Selain itu, Unit ini turut menyelaras hebahan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Integriti Dalam Agensi oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan maklum balas bagi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara.


**PENGURUSAN ADUAN**

Unit Integriti bertanggungjawab memastikan aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian diambil tindakan sewajarnya. Bagi memastikan setiap aduan yang diterima dikendalikan dengan cekap, teratur dan berkesan, Unit ini telah membangunkan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Aduan berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2009 berkaitan Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam dan Tatacara Pelaksanaan Fungsi Pengurusan Aduan Unit Integriti Agensi Awam yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM.



**BILANGAN PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT SUMBER**

Secara keseluruhan, Kementerian telah menerima sebanyak 101 aduan dari bulan Januari hingga Disember 2021. Daripada jumlah ini, sebanyak 58.42% atau 59 aduan yang diterima adalah melalui atas talian (online), sama ada melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) atau aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram atau Whatsapp.




**BILANGAN TINDAKAN TERHADAP ADUAN**

Daripada keseluruhan jumlah aduan yang diterima, sebanyak 53 aduan direkodkan sebagai Tiada Tindakan Lanjut atau *No Further Action* (NFA) berdasarkan penilaian oleh Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) yang membuat penentuan sama ada aduan tersebut adalah berasas (aduan mempunyai maklumat kesalahan yang mencukupi dan boleh diambil tindakan atau / serta pegawai yang diadukan dapat dikenal pasti) atau tidak berasas (aduan tidak mempunyai maklumat kesalahan dan tidak mempunyai butiran yang mencukupi atau / serta pegawai yang diadukan tidak dapat dikenal pasti). Selain itu, sebanyak 29 aduan kenal pasti untuk tindakan pematuhan dan naziran; 17 aduan direkodkan untuk tindakan pengesanan dan pengesahan dan dua (2) aduan dikemukakan untuk pengurusan tatatertib.

**PENGESANAN DAN PENGESAHAN**

Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan tindakan pengesanan dan pengesahan diambil terhadap maklumat berkaitan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi yang diterima, dikesan dan disahkan kebenarannya.



**BILANGAN HASIL TINDAKAN PENGESANAN DAN PENGESAHAN**

Daripada 17 tindakan pengesanan dan pengesahan yang dilaksanakan, sebanyak 37% atau 7 kes dikategorikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut atau NFA, manakala selebihnya dikemukakan untuk tindakan lanjut.

**PENGUKUHAN INTEGRITI**

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan usaha-usaha pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan program integriti dan antirasuah dilaksanakan di Kementerian. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 24 aktiviti pengukuhan integriti telah dilaksanakan merangkumi 14 siri hebahan dan 7 sesi perkongsian, ceramah dan kursus seperti berikut:

## SENARAI HEBAHAN INTEGRITI

BIL.	TAJUK HEBAHAN	TARIKH HEBAHAN
1.	Pematuhan Peraturan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR)	3 Januari 2021
2.	Garis Panduan Membawa Dokumen atau Maklumat Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Dalam Tempoh PKP	14 Jun 2021
3.	Pekerjaan Luar Tanpa Kebenaran	21 Jun 2021
4.	Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik	28 Jun 2021
5.	Larangan Meminjam Wang dan Berada Dalam Keterhutangan Yang Serius	5 Julai 2021
6.	Larangan Membuat Pernyataan Awam	12 Julai 2021
7.	Peringatan Terhadap Pematuhan Etika Berpakaian Penjawat Awam Semasa Hadir Ke Pejabat	16 Julai 2021
8.	Pematuhan Arahan Hadir Bertugas dan Larangan Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja	27 Julai 2021
9.	Tanggungjawab Pegawai Awam Terhadap Penyampaian Perkhidmatan Awam	3 Ogos 2021
10.	Pematuhan Kehadiran Ke Pejabat Dalam Tempoh Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara	17 Ogos 2021
11.	Pematuhan Kehadiran Ke Pejabat Dalam Tempoh Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara	23 Ogos 2021
12.	Tanggungjawab Pegawai Awam Mendaftar dan Melengkapkan Suntikan Vaksin COVID-19	2 September 2021
13.	Tanggungjawab Pegawai Awam Untuk Berkhidmat	8 September 2021
14.	Pengisytiharan Harta Penjawat Awam Dengan Cepak	15 September 2021
15.	Larangan Menggunakan Pengaruh Luar	23 September 2021
16.	Larangan Merokok Dalam Premis Kerajaan	29 September 2021
17.	Kewajipan Mengambil Vaksin Lengkap Pegawai Perkhidmatan Awam	7 Oktober 2021
18.	Tanggungjawab Pemilik Kompetensi Dalam Pengisytiharaan Harta	13 Oktober 2021
19.	Tanggungjawab Menjaga Nama Baik Perkhidmatan Awam	20 Oktober 2021
20.	Tanggungjawab Penjawat Awam Dalam Penggunaan Media Sosial	28 Oktober 2021
21.	Nilai- Nilai Murni dan Etika Penjawat Awam	3 November 2021
22.	Tanggungjawab Penjawat Awam Menjaga Keselamatan Perlindungan	17 November 2021
23.	Penjawat Awam Tidak Boleh Cuai Dalam Melaksanakan Tugas	24 November 2021


## SENARAI KURSUS

BIL.	TAJUK CERAMAH/KURSUS	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	Ceramah Perlindungan Pemberi Maklumat	11 Mac 2021	30
2.	Sesi Perkongsian Pengalaman Pesalah Rasuah	11 Mac 2021	30
3.	Sesi Perkongsian Integriti Dalam Perkhidmatan Awam	12 Julai 2021	40
4.	Sesi Perkongsian Isu Integriti,	15 Julai 2021	40
5.	Sesi Perkongsian Integriti Dalam Perkhidmatan Awam	8 Ogos 2021	40
6.	Sesi Perkongsian Isu Integriti, Tatakelakuan dan Tatatertib (Aku Janji)	26 Ogos 2021	40
7.	Kursus Asas Siasatan dan Penyediaan Laporan Tatatertib	29 Oktober 2021	100



Ceramah Perlindungan Pemberi Maklumat  
11 Mac 2021 (Khamis)

**KURSUS ASAS SIASATAN DAN LAPORAN TATATERTIB  
(29 OKTOBER 2021)**



## UNIT AUDIT DALAM

### LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam Kementerian Perpaduan Negara (UAD KPN) telah ditubuhkan pada tahun 2020 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, UAD KPN bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

### OBJEKTIF

- Menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan;
- Menjalankan audit pematuhan yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya bagi program/aktiviti yang dijalankan telah dicapai dan mematuhi peraturan kewangan dan garis panduan yang ditetapkan; dan
- Menjalankan siasatan atas arahan pengurusan atasan.

### PENCAPAIAN

Setakat 31 Disember 2021, pengauditan yang dilaksanakan bagi keseluruhan tahun 2021 adalah sebanyak 21 program audit. Butiran terperinci mengenai pencapaian pelaksanaan pengauditan adalah seperti di jadual berikut:


JENIS PENGAUDITAN	KEMENTERIAN	JPNIN	AGENSI	PPD	JUMLAH
Penampilan Audit	1	10	-	-	11
Pengauditan Prestasi	-	-	-	-	-
Pengauditan Pematuhan	-	1	-	-	1
Pengauditan Mengejut	-	-	-	9	9
Siasatan	Sesi Perkongsian Integriti Dalam Perkhidmatan Awam	8 Ogos 2021	40		
Audit	-	-	-	-	-
Pengauditan Susulan	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>11</b>	<b>40</b>	<b>9</b>	<b>21</b>

**BILANGAN PENGAUDITAN TAHUN 2021**


BIL	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN	PENCAPAIAN	
	JENIS PENGAUDITAN	PTJ/AGENSI DIAUDIT	ULASAN
1	<p>PENAMPILAN AUDIT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• JPNIN Ibu Pejabat</li> <li>• JPNIN Negeri Melaka</li> <li>• JPNIN Negeri Terengganu</li> <li>• JPNIN Negeri Kelantan</li> <li>• JPNIN Negeri Kedah</li> <li>• JPNIN Negeri Sabah</li> <li>• JPNIN Negeri Perlis</li> <li>• JPNIN Negeri Pahang</li> </ul>	<p>SECARA FIZIKAL</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Perpaduan Negara (BKP,KPN)</li> <li>• Institut Kajian &amp; Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)</li> <li>• JPNIN Perlis</li> <li>• JPNIN Sabah</li> </ul> <p>SECARA SELF-ASSESSMENT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu Pejabat JPNIN</li> <li>• JPNIN Melaka</li> <li>• JPNIN Pulau Pinang</li> <li>• JPNIN Kedah</li> <li>• JPNIN Sarawak</li> <li>• JPNIN Terengganu</li> <li>• JPNIN Johor</li> </ul>	<p>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia akibat COVID-19 telah memberi kesan terhadap pelaksanaan pengauditan penampilan di JPNIN Kelantan dan Pahang.</p> <p>Oleh itu, UAD KPN akan menjalankan pengauditan bagi kedua-dua PTJ tersebut pada tahun 2022.</p>
2.	<p>PENGAUDITAN PRESTASI Perolehan Peralatan Skim Rondaan Sukarela (SRS) Tahun 2020 di negeri-negeri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negeri Kelantan</li> <li>• Negeri Pulau Pinang</li> <li>• Negeri Selangor</li> <li>• Negeri Sarawak</li> <li>• Negeri Johor</li> </ul>	<p>Pengauditan Pematuhan Pengurusan Tanah Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) Di Lot 660, Mukim Tanjung Duabelas, Kuala Langat, Selangor.</p>	<p>Pengauditan Perolehan Peralatan Skim Rondaan Sukarela (SRS) Tahun 2020 ditangguhkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2022 setelah mengambil kira keterbatasan pergerakan fizikal pegawai disebabkan COVID-19. Bagaimanapun, UAD KPN telah melaksanakan pengauditan Pengurusan Tanah IKLIN.</p>
3.	<p>PENGAUDITAN MENGEJUT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• PPD Negeri Perak</li> <li>• PPD Negeri Sabah</li> <li>• PPD Negeri Johor</li> <li>• PPD Negeri Kedah</li> <li>• PPD Negeri Pahang</li> <li>• PPD Negeri Sembilan</li> <li>• PPD Negeri Pulau Pinang</li> <li>• PPD Negeri Terengganu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PPD Tampin, Negeri Sembilan</li> <li>• PPD Kuala Pilah, Negeri Sembilan</li> <li>• PPD Muar, Negeri Johor</li> <li>• PPD Johor Bahru, Negeri Johor</li> <li>• PPD Kuala Terengganu, Negeri Terengganu</li> <li>• PPD Pendang, Negeri Kedah</li> <li>• PPD Petaling, Negeri Selangor</li> <li>• PPD Hulu Langat, Negeri Selangor</li> <li>• PPD Sepang, Negeri Selangor</li> </ul>	<p>Pengauditan Mengejut tidak dilaksanakan mengikut Rancangan Audit Tahun 2021 kerana mengambil kira keterbatasan pergerakan fizikal pegawai dan arahan semasa Kerajaan disebabkan COVID-19. Bagaimanapun, Pejabat Perpaduan Daerah yang tidak dilawati tersebut digantikan dengan pelaksanaan Pengauditan Mengejut di Pejabat Perpaduan Daerah yang lain.</p>

**PENGESAHAN AUDIT ATAS TALIAN**

UAD KPN telah menjalankan pengesahan Audit terhadap aset dan stor di PTJ terlibat dengan menggunakan platform panggilan video iaitu Google Meet seperti Gambar di bawah:



**IBU PEJABAT JPNIN / (12.07.2021) / (SUMBER: UNIT AUDIT DALAM KPN)**



**JPNIN MELAKA / (13.07.2021) / (SUMBER: UNIT AUDIT DALAM KPN)**



## PENGAUDITAN SECARA FIZIKAL

Penampilan Audit secara fizikal telah dilaksanakan apabila arahan Bekerja Dari Rumah (BDR) ditamatkan. Pengauditan telah dijalankan secara bersemuka di PTJ yang terlibat dengan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang ditetapkan. Skop pengauditan merangkumi semakan terhadap enam (6) kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Wang Di Tangan, Perbelanjaan, Perolehan serta Pengurusan Aset, Stor dan Kenderaan. Manakala, pengauditan terhadap terimaan, perbelanjaan dan perolehan yang disemak meliputi transaksi Jun 2020 hingga Mac 2021. Penampilan Audit secara fizikal telah dilaksanakan di PTJ seperti berikut:

BIL.	PTJ	TARIKH
1.	Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)	22 - 25 Februari
2.	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Kementerian Perpaduan Negara	22 April - 25 Mei
3.	JPNIN Negeri Perlis	25 - 29 Oktober
4.	JPNIN Negeri Sabah	22 - 26 November

Nota: Pelaksanaan Audit adalah pada bulan Februari hingga November tahun 2021

Perincian isu berserta maklum balas daripada PTJ terlibat adalah seperti berikut:

### KAWALAN PENGURUSAN

BIL.	ISU	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>CARTA ORGANISASI</b>			
1.	Carta Organisasi Yang Dipamerkan Tidak Dikemaskini	Carta organisasi telah kemas kini.	IKLIN
<b>PERJAWATAN</b>			
2.	Penempatan Perjawatan Secara Pentadbiran	Perjawatan terlibat telah ditempatkan semula mengikut waran perjawatan sedia ada secara berperingkat mulai 20 Disember 2021.	BKP, KPN
<b>PEMERIKSAAAN MENGEJUT</b>			
3.	Pemeriksaan Mengejut AP 309 Hanya Dilaksanakan Sekali	Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan.	IKLIN

### PENGURUSAN WANG DI TANGAN

BIL.	ISU	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>PANJAR WANG RUNCIT (PWR)</b>			
1.	Pembayaran Melalui PWR Tidak Menepati Kriteria	Penggunaan PWR bagi makan minum mesyuarat/perbincangan adalah kerana ia berlangsung secara adhoc.	BKP, KPN
		Penggunaan PWR bagi pembelian bahan api disebabkan kelewatan pihak pembekal membekalkan Kad Inden Minyak dan terdapat keperluan menggunakan Kenderaan Jabatan pada masa tersebut.	
		Memastikan pengurusan PWR mematuhi peraturan dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan	JPNIN Perlis
		Memastikan perolehan makan minum mesyuarat dibuat menggunakan Pesanan Tempatan.	

### KAWALAN TERIMAAN

BIL.	ISU	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>AKAUN BELUM TERIMA (ABT)</b>			
1.	Usia ABT Tunggakan Hutang-hutang Lain Tidak Dilaporkan Dengan Tepat	Memastikan amaun usia ABT yang akan dilaporkan disemak silang dengan lebih teliti di peringkat PTJ dan Kementerian.	BKP, KPN



## KAWALAN PERBELANJAAN DAN PEROLEHAN

BIL.	ISU KETIDAKPATUHAN	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>DAFTAR BIL</b>			
1.	Tiada Bukti Daftar Bil Disemak	Tindakan telah diambil di mana Daftar Bil telah disemak oleh pegawai.	IKLIN
<b>KAWALAN DALAMAN PROSES BAYARAN</b>			
2.	Tuntutan Elaun Makan Telah Terlebih Bayar	Lebih bayaran telah dikutip daripada pegawai berkenaan.	IKLIN
3.	Kesilapan Mengakaunkan Perbelanjaan	Tindakan pelarasan dilaksanakan setelah menerima peruntukan dari Ibu Pejabat.	JPNIN Perlis
<b>GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM (GPIS)</b>			
4.	Laporan GPIS Tidak Disediakan Dengan Tepat	Tindakan telah diambil dan pegawai telah merekod maklumat GPIS berdasarkan laporan ePerolehan.	IKLIN
<b>PENGURUSAN KONTRAK</b>			
5.	Bayaran Berjadual (JANM 12) Bagi 2 Kontrak Tidak Disediakan	Daftar/rekod pembayaran bagi kontrak tersebut telah diselenggara dan dikemaskini menggunakan JANM 12.	IKLIN
6.	2 Kontrak Perkhidmatan Sewa Mesin Penyalin Telah Ditandatangani Melebihi 4 Bulan Selepas SST Ditandatangani Balas Oleh Syarikat	Kesilapan disebabkan draf perjanjian yang sepatutnya perlu menggunakan format Pejabat Penasihat Undang-Undang.  Bayaran sewa bagi kedua-dua mesin penyalin tersebut telah dapat dilaksanakan.	JPNIN Perlis
7.	Tindakan Permohonan / Susulan Perlanjutan Tempoh Perjanjian Sewaan	Tindakan susulan telah diambil.	JPNIN Perlis JPNIN Sabah

## KAWALAN PENGURUSAN ASET, STOR &amp; KENDERAAN

BIL.	ISU KETIDAKPATUHAN	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN</b>			
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan Bagi Suku Ketiga Tahun 2020 Tidak Dilaksanakan	Pihak JPNIN Negeri Perlis akan memastikan bahawa Mesyuarat JKPAK mesti diadakan pada setiap suku tahun.	JPNIN Perlis
<b>PEGAWAI ASET &amp; STOR</b>			
2.	Tiada surat lantikan sebagai Pegawai Aset / Pegawai Stor / Pembantu Pegawai Stor / Pegawai Penerima	Melaksanakan penyelarasan dan perubahan tugas bagi fungsi pengurusan Stor Utama, pengurusan aset dan pengurusan fasiliti KPN.	BKP, KPN
		Surat pelantikan Pegawai Aset telah diangkat ke Ibu Pejabat bagi mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal.  Pelantikan Pegawai Penerima telah diambil tindakan.	IKLIN
<b>PENDAFTARAN</b>			
3.	Harta Modal (HM) & Aset Alih Bernilai Rendah (ABR) tidak didaftarkan  JPNIN Perlis - 3 ABR yang diperolehi pada tahun 2020 tidak didaftarkan di KEW.PA-4  JPNIN Sabah - 6 HM dan 2 ABR yang diperolehi pada bulan November 2020 tidak didaftarkan di KEW.PA-3 dan KEW.PA-4	Ketiga-tiga ABR telah didaftarkan, barcode telah dicetak dan dilekatkan pada ABR berkenaan.	JPNIN Perlis
		Aset telah didaftarkan di KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 pada 30 November 2021.	JPNIN Sabah
4.	ABR Didaftarkan Melebihi 2 Minggu Daripada Tarikh Pengesahan Penerimaan  JPNIN Perlis - 260 ABR yang diperolehi di antara hujung tahun 2020 hingga awal tahun 2021  JPNIN Sabah - 13 ABR yang diperolehi pada bulan Oktober 2020	Memastikan sebarang pembelian aset didaftarkan ke dalam sistem dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan.	JPNIN Perlis
		Memberi perhatian serius agar ketidakpatuhan tidak berulang. Kelewatan berlaku disebabkan pegawai aset yang bercuti sakit dan pegawai pengganti tidak mahir dalam pengurusan aset.	JPNIN Sabah



BIL.	ISU KETIDAKPATUHAN	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>DAFTAR BIL</b>			
5.	Daftar Harta Modal (KEW.PA-3) dan ABR (KEW.PA-4) Tidak Dikemas Kini	Tindakan pengemaskinian maklumat penempatan terkini telah dilaksanakan.	BKP, KPN JPNIN
6.	HM dan ABR Tidak Dilabelkan  BKP, KPN - 8 ABR tidak dilabelkan  IKLIN - 3 Aset Alih yang diperolehi di antara tahun 2013 hingga 20	Tindakan untuk melabel aset berkenaan telah diambil.	BKP, KPN IKLIN
7.	KEW.PA-7 Tidak Dikemas Kini	Tindakan kemas kini telah dilaksanakan.	IKLIN JPNIN Perlis JPNIN Sabah
<b>PENGUNAAN, PENYIMPANAN &amp; PEMERIKSAAN ASET</b>			
8.	6 Aset Alih Yang Dipinjamkan Tidak Direkod Pergerakannya Di KEW.PA-9	Aset Alih tersebut adalah di bawah tanggungjawab Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan sering digunakan oleh pegawai UKK yang kini ditempatkan di Pejabat YB Menteri Perpaduan Negara.  Tindakan untuk mengemaskini lokasi aset telah dilaksanakan.	BKP, KPN
9.	Daftar Pinjaman Dan Pergerakan Aset Alih Masih Menggunakan Format Lama	Tindakan menggunakan format terkini telah dilaksanakan.	JPNIN Sabah
10.	Pemeriksaan Aset Dijalankan Oleh Bukan Pegawai Pemeriksa Yang Dilantik	Nama pegawai tersebut terdicir dalam permohonan pegawai pemeriksa aset.	JPNIN Sabah

BIL.	ISU KETIDAKPATUHAN	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>PENYELENGGARAAN</b>			
11.	Senarai Aset Alih Yang Memerlukan Penyelenggaraan (KEW.PA-14) serta Rekod Penyelenggaraan (KEW.PA-15) Tidak Disediakan	KEW.PA-14 dan KEW.PA-15 telah disediakan.  Memastikan pemantauan dilaksanakan.	JPNIN Perlis
12.	Kenderaan Jabatan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual Tidak Disenaraikan Di KEW.PA-14  Penyelenggaraan Berjadual Kenderaan Jabatan Tidak Direkodkan Di KEW.PA-15	Kenderaan Jabatan tersebut telah disenaraikan di KEW.PA-14.  Mematuhi Pekeliling Perbendaharaan AM 2.5 dan WP 4.1 bagi memastikan pengurusan aset alih Kerajaan yang lebih teratur.	BKP, KPN
<b>PENERIMAAN STOR</b>			
13.	Borang Terimaan Barang-barang (KEW.PS-1), Kad Daftar Stok (KEW.PS-3) dan Senarai Kad Daftar Stok (KEW.PS-4) Tidak Disediakan	Tindakan melengkapkan KEW.PS-1 telah dilaksanakan.  Tindakan menyediakan serta mengemaskini KEW.PS-3 dan KEW.PS-4 telah dilaksanakan.	BKP, KPN
14.	Barang Stor Telah Lewat Direkodkan Di KEW.PS-3 Melebihi 2 Minggu	Memastikan semua stok yang dibeli mesti direkodkan ke dalam Sistem SPA dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan.	JPNIN Perlis
15.	Borang Penentuan Kumpulan Stok KEW.PS-5 Tidak Disediakan	KEW.PS-5 telah disediakan supaya stok dapat disenaraikan mengikut nilai pembelian dan perolehan dapat dirancang dengan teratur.	IKLIN JPNIN Perlis JPNIN Sabah

BIL.	ISU KETIDAKPATUHAN	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>PENYIMPANAN &amp; PENGELUARAN</b>			
16.	Stok Barang Berat Diletakkan / Disusun Tanpa Landasan/ Belantan / Palet Di Bawah Tindanan Stok Tersebut	Palet Kayu / landasan telah diletakkan di bawah tindanan stok barang berat untuk mengelak daripada bersentuhan dengan lantai secara langsung.	BKP, KPN JPNIN Perlis JPNIN Sabah
17.	Senarai Stok Bertarikh Luput KEW.PS-6 Tidak Disediakan	KEW.PS-6 telah digunakan bagi merekod stok bertarikh luput.	BKP, KPN
18.	Perbezaan Baki Fizikal dan Baki Di KEW.PS-3	Pegawai akan sentiasa diberi pendedahan melalui kursus yang berkaitan.	BKP, KPN JPNIN Sabah
<b>PENGURUSAN KENDERAAN</b>			
19.	Set kunci Kenderaan Jabatan Tidak Disimpan Oleh Pegawai Kenderaan Apabila Melibatkan Tugas Rasmi Yang Selesai Selepas Waktu Pejabat	SOP pengambilan dan penyerahan kunci Kenderaan Jabatan telah disediakan agar proses lebih teratur dan sistematik.  Peti penyimpanan kunci kenderaan juga telah disediakan bagi memudahkan proses pengambilan dan pemulangan kunci serta penyediaan buku rekod untuk catatan dan tandatangan mengikut waktu ambil dan pulang.	BKP, KPN
<b>BUKU LOG KENDERAAN</b>			
20.	Butiran Pembelian Bahan Api Tidak Direkodkan Di Buku Log	Butiran pembelian bahan api tersebut telah direkodkan.	JPNIN Perlis
21.	Salinan Asal Butir-Butir Penggunaan Kenderaan Masih Berada Di Buku Log Kenderaan dan Belum Difaikan	Tindakan memfailkan salinan asal butir-butir penggunaan kenderaan telah diambil.	JPNIN Sabah
22.	Pemandu Tidak Membuat Pengiraan Kadar Penggunaan Bahan Api  Pegawai Kenderaan Tidak Membuat Pengiraan Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan	Pengiraan kadar penggunaan bahan api bagi telah dibuat.  Menyediakan jadual bagi penyelia untuk melaksanakan semakan.	IKLIN

BIL.	ISU KETIDAKPATUHAN	MAKLUM BALAS	PTJ TERLIBAT
<b>KAWALAN KAD INDEN KENDERAAN</b>			
23.	Butiran Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak Tidak Dikemaskini	Tindakan mengemas kini Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak telah dilaksanakan.	JPNIN Sabah
24.	Tiada bukti pemeriksaan oleh Ketua Jabatan terhadap Buku Rekod Pergerakan Kad Inden	Memastikan Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan oleh Ketua Jabatan/Pegawai selain Pegawai Kenderaan ke atas Buku Log Kenderaan serta Rekod Pergerakan Kad Inden Kenderaan.	BKP, KPN IKLIN
25.	Penyata Kad/Pembelian Bahan Api Yang Diterima Tidak Disemak Dengan Salinan Resit	Memastikan resit bahan api dikumpulkan dengan lebih sistematik bagi tujuan semakan.  Mewujudkan SOP Pembayaran Bahan Api bagi memastikan Pegawai Kenderaan menyemak Penyata Kad/ Pembelian bahan api yang diterima daripada syarikat pembekal dengan salinan resit terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke Seksyen Kewangan sebagai langkah kawalan dalaman.  Menyediakan jadual penggunaan bahan api mengikut bulan bagi semua Kenderaan Jabatan bagi memantau trend penggunaan bahan api dan memudahkan perancangan penyediaan bajet pada tahun akan datang.	BKP, KPN
26.	Resit Pembelian Bahan Api Tidak Disimpan	Memastikan semua resit pembelian bahan api dikumpul dan disusun dengan kemas dan teratur.  Meningatkan Pemandu supaya menyerahkan segera salinan resit pembelian bahan api kepada Pegawai Kenderaan untuk dibuat salinan dan disimpan dengan teratur.	JPNIN Perlis



Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)  
(25.02.2021)  
(Sumber: Unit Audit Dalam KPN)



Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)  
(24.02.2021)  
(Sumber: Unit Audit Dalam KPN)



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

### LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan sebagai penyampai dasar, aktiviti, program dan semua hebahan berkaitan perpaduan kepada pemegang taruh dan orang awam. Struktur UKK adalah seperti berikut:-


**Seksyen Pengurusan Korporat dan Media**  
**Seksyen Media Sosial dan Penerbitan**  
**Seksyen Pentadbiran dan Laman Web**

### OBJEKTIF

- Bertindak sebagai jurucakap Kementerian dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang ada kaitan dengan Kementerian dan
- Mewujudkan hubungan baik dan perhubungan awam yang proaktif dan berkesan dengan orang ramai terutamanya yang menyentuh aspek dasar, perkhidmatan dan pengurusan Kementerian.

### BILANGAN LIPUTAN MEDIA BERSERTA MEDIUM

MEDIUM	LIPUTAN
TV	361
RADIO	28
AKHBAR	602
ONLINE	1531
<b>JUMLAH</b>	<b>2522</b>



**61%** : Liputan Berita (Online)

**14%** : Liputan TV

**24%** : Liputan Keratan Akhbar

**1%** : Liputan Radio

### MEDIAL SOSIAL

PLATFORM	JUMLAH FOLLOWERS TAHUN 2020	JUMLAH FOLLOWERS TAHUN 2021
FACEBOOK	19,000	25,000
INSTAGRAM	1,000	1,800
TWITTER	800	1,600
TIKTOK	300	1,900
<b>JUMLAH</b>	<b>21,100</b>	<b>30,300</b>

### PENGURUSAN ADUAN AWAM Bilangan Aduan Mengikut Bulan Tahun 2021

BULAN	KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN		
	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL	UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
JANUARI	3	5	0
FEBRUARI	2	6	0
MAC	0	10	4
APRIL	2	6	1
MEI	1	4	0
JUN	3	4	1
JULAI	2	4	1
OGOS	2	1	1
SEPTEMBER	5	2	0
OKTOBER	2	4	1
NOVEMBER	4	3	1
DISEMBER	2	5	2
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>54</b>	<b>12</b>



**BILANGAN CADANGAN, PERTANYAAN, PENGHARGAAN MENGIKUT BULAN TAHUN 2021**


BULAN	KEMENTERIAN/ AGENSI/JABATAN		
	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL	UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
JANUARI	14	13	0
FEBRUARI	15	10	0
MAC	19	13	1
APRIL	7	9	2
MEI	35	7	4
JUN	20	3	4
JULAI	13	3	4
OGOS	22	9	1
SEPTEMBER	30	10	11
OKTOBER	16	5	9
NOVEMBER	6	5	0
DISEMBER	6	35	4
<b>JUMLAH</b>	<b>203</b>	<b>92</b>	<b>40</b>

**JUMLAH LIPUTAN BERITA (ONLINE) : 1531**




**LAPORAN ANALISIS BERITA**


**JUMLAH KENYATAAN MEDIA : 61**



**JUMLAH KERATAN AKHBAR: 602**



**JUMLAH LIPUTAN BERITA DI TV/YOUTUBE DAN RADIO: 389**



**ASTRO AWANI  
PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK) - AWANI PAGI  
24 JUN 2021**



**RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
TEMUBUAL DASAR PERPADUAN NEGARA  
DI RANCANGAN SELAMAT PAGI MALAYSIA TV1  
23 FEBRUARI 2021**



**RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
BERITA PERDANA - PRAPELANCARAN KELUARGA MALAYSIA  
7 OKTOBER 2021**




**RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
BERITA RTM - SUKAN WADAH PERPADUAN, SATUKAN KELUARGA MALAYSIA 2021  
17 SEPTEMBER 2021**



**RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
KAPSUL INKLUSIF – PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA  
13 OKTOBER 2021**



**BILANGAN PROGRAM TURUN PADANG YANG BERHORMAT  
MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2021**



**SENARAI WAWANCARA YBM KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA BAGI  
TAHUN 2021**

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	15 Feb 2021	Majlis Pelancaran Dasar Perpaduan Negara Dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 : Ucapan Menteri Perpaduan Negara
2.	23 Feb 2021	SPM TV1 RTM - Dasar Perpaduan Negara (Berita RTM)
3.	27 Mac 2021	Majlis Ramah Mesra bersama persatuan penduduk Ampang (Dasar Komuniti Negara)
4.	27 Mac 2021	KPN, KPKT perhebatkankempen daftar vaksinasi(Metro TV)
5.	26 Mei 2021	Hari Wesak CerminanKeutuhan Perpaduan (TV3)
6.	20 Jun 2021	MOVAK   Program MOVAKpercepat pemberian vaksin(Astro AWANI)
7.	24 Jun 2021	Awani Pagi Program MOVAK KPN (Astro AWANI)
8.	12 Julai 2021	PEMULIH   Penduduk jalani kuarantin diberi keutamaan (Buletin TV3)
9.	13 Julai 2021	MOVAK bantu 300 penjaja, peniaga kecil terima suntikan vaksin (Berita RTM)
10.	17 Julai 2021	38,754 orang telah berjaya divaksin melalui program MOVAK (Berita RTM)

BIL.	TARIKH	PROGRAM
11.	17 Julai 2021	25 buah bas di bawah Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) bakal digerakkan (Buletin TV3)
12.	6 Sept 2021	MOVAK   Hampir 500,000 Individu Terima Vaksin (Buletin TV3)
13.	6 Sept 2021	Hampir 500,000 individu terima vaksin COVID-19 melalui MOVAK (Bernama TV)
14.	17 Sept 2021	Sukan wadiah perpaduan, satukan Keluarga Malaysia
15.	23 Sept 2021	MP Jelutong harap Azmincontohi Halimah Sadique
16.	5 Okt 2021	Komen perkauman kepada S Kisona tidak boleh diterima (Astro AWANI)
17.	7 Okt 2021	Pra Pelancaran Keluarga Malaysia
18.	13 Okt 2021	Kapsul Inklusif – Perpaduan Keluarga Malaysia

**28 FEBUARI 2021**

**PELAN PEMERKASAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA RT4ALL**



**19 JUN 2021**

**PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK)**



**SOROTAN GALERI 2021**




**15 FEBUARI 2021**

**DASAR PERPADUAN NEGARA & RANGKA TINDAKAN BLUEPRINT PERPADUAN NEGARA (2021-2030)**



**24 JULAI 2021**

**PELAN PEMERKASAAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021 - 2030**



### 24 NOVEMBER 2021 KONVENSYEN KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT)



### 28 NOVEMBER 2021 MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021 - 2030 DAN KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA



### 31 DISEMBER 2021 BANTUAN BANJIR TAMAN SERI NANDING



### KERATAN AKHBAR TERPILIH





PAMERAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2021

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Program Malaysia Prihatin: Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Negeri Melaka	Dewan MITC, Air Keroh, Melaka.	23 hingga 25 Mac 2021
2.	Pameran Malaysia Prihatin: Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Negeri Melaka	Lobi Bangunan Wisma Persekutuan Air Keroh, Melaka.	26 hingga 28 Mac 2021
3.	Program Malaysia Prihatin: Memperkasa Kepimpinan Komuniti KRT Zon Kluang, Batu Pahat dan Mersing	Dewan Tunku Ibrahim, Kluang Johor.	02 Hingga 4 April 2021
4.	Program Malaysia Prihatin: Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Peringkat Negeri Pulau Pinang.	The Banquet The Top, Komtar, Pulau Pinang.	09 hingga 10 April 2021
5.	Program Malaysia Prihatin Kementerian Perpaduan Negara : Memperkasa Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Peringkat Negeri Johor	Dewan Jubli Intan, Muar, Johor .	11 hingga 12 April 2021
6.	Program Libat Urus Bersama NGO Perpaduan Bagi Memperkasa Pelan Tindakan Perpaduan (Friends Of Uniti)	Hotel Westin Kuala Lumpur.	05 hingga 06 Mei 2021
7.	Pameran Merdeka Perpaduan Keluarga Malaysia Sempena Hari Kebangsaan	Lobi Kementerian Perpaduan Negara, Blok F, Putrajaya.	25 Ogos hingga 16 September 2022
8.	Program Ramah Mesra Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Jentera Perpaduan Negeri Selangor.	Shoping Kompleks Dpulze, Cyberjaya, Selangor.	25 hingga 26 Oktober 2021
10.	Program Taklimat dan Pameran Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Jentera Perpaduan Perlis	Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kangar, Perlis.	27 hingga 28 Oktober 2021
11.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Rakan Strategik Perpaduan Kedah	Central Square Sungai Petani, Kedah.	29 hingga 30 Oktober 2021
12.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Rakan Strategik Perpaduan Perak	TF Value Mart, Tambun, Perak.	31 Oktober hingga 1 November 2021
13.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Rakan Strategik Perpaduan Johor	Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor.	03 hingga 04 November 2021
14.	Pameran Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama Ahli Sekretariat Rukun Negara Universiti Teknologi MARA Shah Alam	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor	04 hingga 05 November 2021





BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
15.	Pameran Perpaduan Keluarga Malaysia Sempena Majlis Konvokesyen UKM Ke-49	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).	06 hingga 07 November 2021
16.	Program Ramah Mesra dan Pameran Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT Sabah dan Jentera Perpaduan Sabah	One Borneo Hyper Mall Kota Kinabalu Sabah.	08 hingga 09 November 2021
17.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Jentera Perpaduan Pulau Pinang	Gurney Plaza, George Town, Pulau Pinang.	12 hingga 13 November 2021
18.	Program Libat Urus Bersama NGO Perpaduan bagi Memperkasa Pelan Tindakan Perpaduan (Friends Of Uniti)	Hotel Westin Kuala Lumpur.	18 hingga 19 November 2021
19.	Program Ramah Mesra dan Pameran Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT Sabah dan Jentera Perpaduan Sarawak	Aeon Shopping Mall, Kuching, Sarawak.	21 hingga 22 November 2021
20.	Majlis Pelancaran Sesi Maklumbalas Rakyat KAMI@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Bentong, Pahang.	24 hingga 25 November 2021
21.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Jentera Perpaduan Terengganu.	Kuala Terengganu City Centre (KTCC) Kuala Terengganu.	27 hingga 28 November 2021
22.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Jentera Perpaduan Kelantan	KB Mall, Kota Bahru, Kelantan.	29 hingga 30 November 2021
23.	Program Ramah Mesra Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama KRT dan Jentera Perpaduan Wilayah Persekutuan Labuan	Kompleks Ujana Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan.	05 hingga 06 Disember 2021
24.	Pelancaran 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia oleh YAB Perdana Menteri Malaysia	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)	09 hingga 12 Disember 2021
25.	Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Daerah Jasin Melaka dan Pameran Perpaduan Keluarga Malaysia 2021	Pasaraya MYDIN Hypermarket Jasin Melaka.	21 hingga 22 Disember 2021

## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### LATAR BELAKANG

Memberi perkhidmatan perundangan yang berkualiti, profesional, bermutu dan bertindak mengikut Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang dengan cekap, adil dan saksama.

### OBJEKTIF

Pejabat PUU bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi-fungsi Jabatan Peguam Negara di peringkat Kementerian untuk:

- Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan kepada Kementerian dan Agensi di bawahnya;
- Menyemak perjanjian, memorandum persefahaman, triti, deklarasi, konvensyen antarabangsa dan apa-apa dokumen perundangan yang lain;
- Menyemak penggubalan atau pindaan perundangan utama iaitu rang undang-undang dan perundangan subsidiari seperti kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah-perintah di bawah bidang kuasa Kementerian dan Agensi di bawahnya;
- Mengendali dan memantau kes mahkamah yang melibatkan Kementerian dan Agensi di bawahnya; dan
- Melaksanakan tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian/Agensi.

### PRESTASI

Sepanjang tahun 2021, Pejabat ini telah menyemak: 396 Perjanjian; dan 19 Memorandum Persefahaman / Nota Kerjasama

### SEKALUNG PENGHARGAAN DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH

Puan Siti Nur Baya binti Jabar  
(1 November 2020 – 14 September 2021)

# GALERI SEKTOR KETUA SETIAUSAHA 2021



# LAPORAN BAHAGIAN

## SEKTOR PENGURUSAN

1. BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
3. BAHAGIAN AKAUN

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan telah diwujudkan selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020 untuk memberikan perkhidmatan sokongan agar fungsi teras utama Kementerian dan agensi di bawahnya beroperasi dengan lancar. Bahagian ini berfungsi dengan empat (4) Seksyen seperti berikut:

1. Seksyen Sumber Manusia
2. Seksyen Kewangan dan Perolehan
3. Seksyen Pentadbiran dan Aset
4. Seksyen Pembangunan

### OBJEKTIF

Untuk memberi bantuan khidmat nasihat dan sokongan yang efisien dan cekap dalam aspek pengurusan sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan aset serta pembangunan di peringkat Kementerian Perpaduan Negara.

### SEKSYEN SUMBER MANUSIA

Pengisian Perjawatan Tahun 2021  
( Merangkumi perjawatan KPN, JPNIN dan MITRA )

JUMLAH PERJAWATAN	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH PENGISIAN	PERATUSAN PENGISIAN (%)
5,023	6	197	4,576	4,779	95.14



### PELAKSANAAN KURSUS TAHUN 2021

Pada tahun 2021, Unit Latihan Seksyen Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 untuk pelaksanaan kursus bagi warga Kementerian berdasarkan Pelan Operasi Latihan yang telah dirancang. Sebanyak 46 telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021, iaitu 23 secara fizikal dan 23 secara atas talian, dengan perbelanjaan sebanyak RM67,142.50. Diantara kursus yang mendapat sambutan dan penyertaan ramai adalah; Taklimat Keselamatan Siber 2021, Tatacara Perolehan, Program Pemantapan Kewangan Bersama AKPK Webinar Mengharungi Cabaran, Program Vaksin Covid-19: Kesedaran dan Kepentingan Memelihara Integriti Diri dan Pengurusan Keluarga & Kerjaya : Realiti & Cabaran Ibu Bapa Bekerjaya.

### MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN TAHUN 2021 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan mesyuarat yang berperanan sebagai platform hubungan dua hala antara pegawai dan kakitangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk berkomunikasi dengan pihak Pengurusan KPN dalam menyuarakan pandangan, menyampaikan hasrat dan mencapai satu kata persetujuan untuk menyelesaikan isu-isu yang sedang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan di KPN. Pada tahun 2021, mesyuarat telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 19 Mac 2021, 20 Ogos 2021 dan 15 Disember 2021. Kehadiran ahli mesyuarat adalah seperti ketetapan berikut.

MESYUARAT MBJ	KEHADIRAN AHLI PIHAK PEGAWAI		KEHADIRAN AHLI PIHAK PEKERJA	
	BILANGAN	KORUM	BILANGAN	KORUM
Bil.1/2021	11	> 50%	13	> 50%
Bil.2/2021	15	> 50%	14	> 50%
Bil.3/2021	13	> 50%	14	> 50%

Korum kehadiran bagi semua Mesyuarat MBJ adalah menepati syarat yang digariskan di dalam Perlembagaan MBJ iaitu keperluan kehadiran sekurang-kurangnya 50% dari Pihak Pegawai dan 50% dari Pihak Pekerja. Secara keseluruhannya, sebanyak 28 isu telah dibangkitkan dalam mesyuarat dan 21 daripadanya telah berjaya selesai.

### MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Majlis APC Tahun 2020 telah diadakan pada 30 Mac 2021 bertempat Dewan Damar Sari, Kompleks F, W.P. Putrajaya yang dirasmikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara. Jumlah bilangan penerima APC bagi tahun 2020 ialah seramai 374 pegawai. Kesemua penerima APC telah dianugerahkan Sijil APC dan insentif berbentuk wang tunai sebanyak RM1,000.00.



### MAJLIS PERSARAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2021

Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan majlis persaraan Tahun 2021 pada 26 November 2021 bertempat di Dewan Damar Sari, Kompleks F, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dalam majlis tersebut seramai 88 orang pegawai KPN dan Jabatan dibawahnya telah diraikan. Kesemua pesara telah dianugerahkan Sijil Penghargaan dan hadiah cenderahati.



### SEKSYEN PENTADBIRAN DAN ASET


#### MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2021 YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 YB Menteri Perpaduan Negara bersama warga Kementerian (Secara Maya) telah diadakan pada 25 Februari 2021 dengan penyertaan seramai 400 warga Kementerian dan agensi. Majlis ini diadakan sebagai platform untuk memberikan intipati pelaksanaan program perpaduan dan rancangan program perpaduan pada tahun 2021.

Majlis ini berjaya dilaksanakan secara maya dengan capaian melalui Aplikasi Webex, Video Conferencing (VC) serta capaian FB Live yang merekodkan sebanyak 13,5 ribu tontonan, 918 perkongsian dan 25,119 capaian secara keseluruhan.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 YB Menteri Perpaduan Negara



Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 YB Menteri Perpaduan Negara

### SAMBUKAN HARI WANITA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sambutan Hari Wanita Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada 8 Mac 2021 (Isnin) di Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique telah hadir bagi menyambut Hari Wanita bersama-sama dengan Warga Kementerian Perpaduan dengan tema "Wanita Bangkit Mendepani Cabaran". Antara aktiviti menarik semasa sesi ini ialah Pertandingan Kuiz Kahoot! dan Deklamasi Sajak yang bertemakan Wanita.



Sambutan Hari Wanita Kementerian Perpaduan Negara

### PROGRAM KECERIAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SEMPENA SAMBUKAN BULAN KEBANGSAAN 2021

Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2021 diadakan berdasarkan saranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mulai tarikh Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan 2021 iaitu pada 1 Ogos 2021 sehingga 16 September 2021 yang berkonsepkan penghargaan dalam bentuk penarafan bintang di setiap Kementerian.



Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2021



Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2021



Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2021



### MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) TAHUN 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) diadakan setiap suku tahun bagi melaporkan kedudukan semasa pengurusan aset alih Kerajaan, pemeriksaan aset yang telah dibuat, pelupusan aset suku semasa, kes-kes kehilangan aset yang dilaporkan dan hapus kira yang diluluskan serta laporan pengurusan stor. Mesyuarat ini wajib dilaksanakan setiap suku tahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan aset dan stor dan tindakan-tindakan lanjut yang akan dilaksanakan bagi mematuhi keperluan Pekeliling Perbendaharaan AM1.1: Pengurusan Aset Kerajaan.

Bagi tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya mematuhi pelaksanaan Mesyuarat JKPAK setiap tahun seperti perincian berikut:

BIL.	SUKU TAHUN	MESYUARAT	TARIKH
1.	Pertama	JKPAK Bil. 1/2021	10 Mei 2021
2.	Kedua	JKPAK Bil. 2/2021	18 Ogos 2021
3.	Ketiga	JKPAK Bil. 3/2021	10 November 2021
4.	Keempat	JKPAK Bil. 4/2021	27 Januari 2022

*Pelaksanaan Mesyuarat JKPAK Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2021*

### KURSUS PENGURUSAN DOKUMEN RAHSIA RASMI KERAJAAN

Kursus Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan telah diadakan pada 29 Oktober 2021 (Jumaat) di Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya. Objektif kursus ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai pentingnya pengurusan keselamatan dokumen Kerajaan, memastikan keteraturan pengurusan dokumen terperingkat di Kementerian Perpaduan Negara diuruskan dengan betul dan bersistematik serta memberi kefahaman tentang tatacara pengurusan dokumen rahsia rasmi Kerajaan. Kursus ini dihadiri oleh 45 orang peserta Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melibatkan Pegawai Tadbir Bahagian dan Setiausaha Pejabat di KPN, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).



*Kursus Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan*



*Kursus Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan*

### PROSES SANITASI RUANG PEJABAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sebagai langkah pembersihan dan disinfeksi di tempat kerja serta langkah pencegahan tambahan bagi mengelakkan penularan Covid-19, proses sanitasi bangunan melibatkan ruang pejabat Aras 5 hingga Aras 10 dan Lobi Kementerian Perpaduan Negara telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Proses pembersihan dan disinfeksi telah dilakukan ke setiap ruang pejabat dengan memberi lebih tumpuan di lokasi-lokasi utama bagi memastikan ruang tempat kerja di Lobi Kementerian Perpaduan Negara berada pada tahap selamat dan tidak mendatangkan sebarang pendedahan Covid-19 kepada pegawai-pegawai yang menggunakan ruang kerja tersebut. Sebanyak 8 sesi sanitasi telah dilaksanakan secara keseluruhan mulai April 2021 sehingga Disember 2021.



*Pelaksanaan Proses Sanitasi Ruang Pejabat Kementerian Perpaduan Negara*



## SEKSYEN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Pengurusan Bajet adalah satu aspek penting dalam pengurusan kewangan untuk memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan, mengawal operasi dan mengurus prestasi Kementerian/Jabatan bagi mencapai objektifnya.

### MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1.	10 Mei 2021	Mesyuarat JPKA Bil 1 Tahun 2021
2.	18 Ogos 2021	Mesyuarat JPKA Bil 2 Tahun 2021
3.	2 Disember 2021	Mesyuarat JPKA Bil 3 Tahun 2021
4.	9 Februari 2022	Mesyuarat JPKA Bil 4 Tahun 2021

### RINGKASAN BAJET MENGURUS 2021

BIL	PERUNTUKA MENGURUS (RM)	PERBELANJAAN MENGURUS (RM)	% PERBELANJAAN MENGURUS (%)
1.	310,337,400.00	319,326,611.72	102.90

### RINGKASAN BAJET PEMBANGUNAN 2021

BIL	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (RM)	% PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (%)
1.	92,950,100.00	68,844,634.49	74.07

## SEKSYEN PEMBANGUNAN

### PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Kementerian Perpaduan Negara telah diluluskan sebanyak RM92,950,100 peruntukan pembangunan pada tahun 2021. Jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM68,844,634.49. Sebanyak 12 Projek/

PROJEK SAMBUNGAN	
(i)	4 Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA);
(ii)	3 Projek Pembangunan Fizikal
(iii)	1 Projek Pembangunan Bukan Fizikal
PROJEK BAHARU	
(i)	4 Projek Pembangunan Fizikal

Program telah diluluskan semasa Rolling Plan 1, (RP 1) 2021, Rancangan Malaysia Ke-12 melibatkan:

### PROJEK PEMBANGUNAN

Tiga (3) projek pembangunan fizikal sambungan adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan Baru Kompleks Perpaduan Perlis;
- (ii) Kerja-kerja Awalan Kompleks Perpaduan Bukit Besar Kuala Terengganu; dan
- (iii) Projek Pembinaan Pusat Rukun Tetangga (PRT) Mukim Dusun Rendah, Kota Bharu, Kelantan.

Manakala, Kajian Indeks Perpaduan Nasional Kedua (IPNas 2) adalah satu-satunya projek pembangunan bukan fizikal sambungan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Empat (4) projek pembangunan fizikal baharu yang diluluskan dalam RP1 tahun 2021, RMKe-12 iaitu:

- (i) Pembinaan PRT Taman Intan Duyong, Port Dickson, Negeri Sembilan;
- (ii) Pembinaan PRT Taman Keris/Batu 6 Lekir, Manjung, Perak;
- (iii) Pembinaan PRT Bandar Jerantut, Pahang; dan
- (iv) Pembinaan Dewan Terbuka Kawasan Rukun Tetangga Kampung Batu Muda, Sentul, Kuala Lumpur.

## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

### LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) berperanan sebagai peneraju strategik dalam pelaksanaan program-program ICT Kementerian dan Jabatan/ Agensinya. Struktur BPM adalah seperti berikut:-

1. Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem
2. Seksyen Operasi, Rangkaian dan Keselamatan

### OBJEKTIF

1. Menentukan hala tuju, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif ICT melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPN;
2. Menyediakan sistem aplikasi ICT yang memenuhi keperluan pelanggan, efektif dan efisien;
3. Melengkapkan Kementerian, Jabatan/ Agensinya dengan infrastruktur dan kemudahan ICT yang selamat, dipercayai dan tersedia serta selari dengan Kerajaan Digital; dan
4. Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT yang efisien.

### JAWATANKUASA KESELAMATAN ICT (JKICT) KPN

Selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 - Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Pemodenan dan Pendigitalan Sektor Awam (JPPSA), semua agensi Sektor Awam dikehendaki menubuhkan dan melaksanakan Jawatankuasa Keselamatan ICT (JKICT). JKICT berperanan dalam memberi input dan melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh JPPSA serta merancang dan menyelaras pelaksanaan program dan projek-projek keselamatan ICT sektor awam.

Jawatankuasa Keselamatan ICT (JKICT) KPN telah ditubuhkan pada 28 September 2020 yang dianggotai oleh Pegawai ICT Kementerian dan Agensi. JKICT KPN berperanan untuk merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pengurusan keselamatan dan operasi ICT. Pada tahun 2021, JKICT telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan ICT sebanyak dua (2) kali iaitu pada 6 Mei 2021 dan 10 November 2021. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh ahli jawatankuasa dikalangan pegawai ICT di Kementerian dan Agensi.

### PEMBANGUNAN SISTEM PERSONEL PERPADUAN

Sistem Personel Perpaduan telah mula dibangunkan pada Januari 2021 bagi membantu Seksyen Sumber Manusia (SSM), BKP bagi mengautomatiskan prosedur kerja sedia ada ke arah prosedur kerja yang lebih sistematik. Pembangunan ini merangkumi dua (2) modul iaitu Modul Maklumat Pegawai dan Modul Pemantauan Bekerja Dari Rumah (BDR).



Modul Maklumat Pegawai berfungsi untuk menyimpan rekod dan maklumat perjawatan pegawai Kementerian dan agensi di bawahnya secara berpusat. Selain itu, sistem tersebut juga menyediakan modul pemantauan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi tujuan pemantauan pelaksanaan tugas hakiki atau tugas-tugas rasmi dari rumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa. Sistem ini telah selesai dibangunkan dan digunapakai sepenuhnya oleh Warga Kementerian dan agensi di bawahnya.

### PEMBANGUNAN SISTEM PLACES OF WORSHIP OTHER RELIGION (e-POWER) BAGI MODUL PENGURUSAN MAKLUMAT ePOWER

Sistem *Places of Worship Other Religion* (e-POWER) bagi Modul Pengurusan Maklumat ePOWER telah mula dibangunkan pada Mac 2021 bagi membantu Bahagian Perhubungan Masyarakat (BPHM) untuk menyelaras data Rumah Ibadat Selain Islam dari seluruh negeri di Malaysia. Pembangunan sistem ini adalah salah satu inisiatif untuk mewujudkan pangkalan data Rumah Ibadat Selain Islam secara berpusat dan memudahkan capaian serta perkongsian maklumat dapat dilaksanakan secara sistematik dan efisien.

Modul Pengurusan Maklumat ePOWER telah selesai dibangunkan dan diserahkan kepada pemilik projek untuk digunakan sepenuhnya.



### PEMBANGUNAN SISTEM eMANAGEMENT BAGI MODUL TEMPAHAN KENDERAAN

Sistem eManagement bagi Modul Tempahan Kenderaan telah mula dibangunkan pada Mac 2021 bagi membantu Seksyen Pentadbiran dan Aset untuk menyelaras pengurusan dan pemantauan tempahan kenderaan secara menyeluruh di Kementerian. Pembangunan sistem ini adalah salah satu platform pemudah cara kepada Warga Kementerian untuk membuat tempahan kenderaan secara atas talian secara sistematik dan efisien.

Modul Tempahan Kenderaan eManagement telah selesai dibangunkan mengikut keperluan pengguna yang telah dipersetujui dan diserahkan kepada pemilik projek sepenuhnya untuk dihebahkan penggunaannya kepada Warga Kementerian.



### PEMBANGUNAN SISTEM ICT MANAGEMENT


Sistem *ICT Management* telah mula dibangunkan pada Jun 2021 bagi membantu Bahagian Pengurusan Maklumat untuk menyelaras hal ehwal berkaitan pengurusan ICT secara menyeluruh di Kementerian. Sistem ini merangkumi dua (2) modul iaitu Modul ePinjam dan Modul eHelpdesk ICT. Modul ePinjam membolehkan pengguna membuat tempahan pinjaman Peralatan ICT secara atas talian pada bila-bila masa dengan lebih efisien. Manakala Modul eHelpdesk ICT dibangunkan sebagai salah satu platform untuk memudahkan Warga Kementerian membuat aduan ICT secara atas talian sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna supaya tindakan dapat diselesaikan dengan lebih baik dan cekap.

Sistem ICT Management telah selesai dibangunkan dan diserahkan kepada pemilik projek untuk digunakan sepenuhnya oleh Warga Kementerian.




### PEMBANGUNAN NAIK TARAF LAMAN WEB KEMENTERIAN DAN MITRA

Laman Web Rasmi KPN dan MITRA telah mula dinaik taraf pada Januari 2021 agar menjadi gerbang utama dalam penyampaian maklumat dan perkhidmatan Kementerian dan agensi kepada orang awam. Pembangunan ini telah menitikberatkan platform teknologi baharu dan mematuhi kriteria penilaian dan garis panduan laman web Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Laman Web Rasmi KPN dan MITRA yang terkini telah go-live sepenuhnya bagi membolehkan orang awam mendapatkan semua maklumat dan perkhidmatan kementerian dan agensi secara berpusat.




### KEMUDAHAN KOMUNIKASI MEL ELEKTRONIK

KPN telah menggunakan perkhidmatan sistem e-mel Zimbra bermula pada 10 Mac 2020. Pada tahun 2021, sebanyak 88 akaun e-mel baru telah diwujudkan manakala 87 akaun e-mel telah dinyahaktifkan (delete). Rajah 1 menunjukkan pecahan pengurusan akaun e-mel baru mengikut bulan sepanjang tahun 2021, manakala Rajah 2 menunjukkan statistik pengurusan e-mel mengikut status sepanjang tahun 2021.




■ Akaun Aktif ■ Akaun Baru ■ Akaun Tutup



### SOKONGAN TEKNIKAL SIDANG VIDEO

Situasi semasa gelombang Covid-19 pada tahun 2021 yang masih meningkat telah menyebabkan berlakunya peningkatan di dalam penganjuran mesyuarat secara sidang video sama ada yang dihoskan oleh kementerian atau pun agensi luar. BPM telah diberi tanggungjawab untuk memberi sokongan teknikal bagi memastikan perjalanan mesyuarat secara sidang video dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Rajah 4 menunjukkan 1330 bilangan sokongan teknikal sidang video telah diberikan oleh BPM sepanjang tahun 2021.



Statistik Sokongan Teknikal Sidang Video KPN sehingga 31 Disember 2021



### HEBAHAN KESELAMATAN ICT

Hebahan keselamatan siber telah dilaksanakan secara bulanan dan berterusan sepanjang tahun 2021 bagi menyebarkan mesej dan info ICT kepada warga Kementerian dan agensi. BPM telah mengeluarkan sebanyak empat belas (14) hebahan infografik berkenaan keselamatan siber kepada Warga Kementerian dan agensi.



### BENGGEL PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN AGENSI 2021-2025

Selaras dengan dokumen Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang telah dibangunkan oleh MAMPU, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama agensi di bawahnya telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian dan Agensi 2021 – 2025 sebagai pemangkin rangka kerja ICT yang komprehensif. Pembangunan PSP ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) KPN Bil. 1/2021 pada 27 Januari 2021. Pembangunan pelan ini akan dilaksanakan secara dalaman bersama Subject Matter Expert (SME) serta mendapat kerjasama secara khidmat nasihat dari pihak perunding MAMPU.

Seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada SME Kementerian, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) serta lima (5) orang penceramah dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah bersama menjayakan bengkel pembangunan pelan tersebut.


Resolusi daripada bengkel ini telah berjaya mengenalpasti Visi dan Misi ICT KPN, tiga (3) Teras Strategik, 13 Strategi dan 49 program yang dibangunkan dalam Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian dan Agensi. Dokumen PSP Kementerian dan Agensi 2021 – 2025 telah selesai dibangunkan selari dengan dokumen Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025.



### TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

Sempena sambutan bulan Kesedaran Keselamatan Siber Sektor Awam pada bulan Oktober setiap tahun, BPM, KPN dan CTM, JPNIN telah berjaya menganjurkan satu Taklimat Kesedaran Keselamatan Siber pada 14 Oktober 2021 secara atas talian. Seramai 131 peserta yang terdiri dari warga Kementerian dan agensi di bawahnya serta pegawai perpaduan di peringkat negeri dan daerah telah bersama-sama hadir ke sesi taklimat tersebut.

Objektif utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai tentang kepentingan keselamatan siber yang perlu dititikberatkan semasa melaksanakan tugas harian dan mengelakkan eksploitasi oleh penjenayah siber. Seramai dua (2) orang penceramah yang pakar dalam bidang keselamatan siber telah dijemput bagi memberikan perkongsian beserta tips penting dalam mengatasi ancaman siber kepada para peserta.





## BAHAGIAN AKAUN

### LATAR BELAKANG

Bahagian Akaun (BA) telah ditubuhkan pada 1 Mac 2021 selaras dengan dasar kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan PS 1.2 bagi melaksanakan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan di setiap Kementerian. Dengan perjawatan seramai lima orang pegawai ketika itu, Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memastikan perakaunan akruan dilaksanakan dan penyata kewangan kementerian disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan.

### OBJEKTIF

Terdapat tiga (3) Seksyen utama di bawah BA KPN yang mana setiap Seksyen mempunyai objektifnya tersendiri:-

#### SEKSYEN PERAKAUNAN PENGURUSAN

- Membuat analisis perakaunan iaitu analisis maklumat Penyata Kewangan untuk kegunaan pengurusan atasan;
- Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian; dan
- Melaksana perakaunan kos dan pengurusan.

#### SEKSYEN PERUNDINGAN DAN PEMANTAUAN

- Memberi khidmat nasihat berkaitan sistem JANM yang digunakan;
- Menyelesaikan isu berkaitan perakaunan termasuk berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan;
- Menjalankan latihan berkaitan perakaunan kepada pegawai perakaunan dan kewangan;
- Melakukan naziran bayaran dan terimaan kepada PTJ; dan
- Menyemak Perakaunan Terimaan oleh PTJ (KKWT).

#### SEKSYEN PERAKAUNAN KEWANGAN

- Menjalankan fungsi Pejabat Perakaunan bagi perkhidmatan perakaunan dan bayaran;
- Mengurus pembayaran gaji kakitangan kementerian;
- Menyemak Penyata Penyesuaian Vot Mengurus, Vot Pembangunan, Amanah dan Hasil yang dikemukakan oleh Pusat Tanggungjawab;
- Mengurus proses mewujudkan dan mengemaskini akaun pukal;
- Menguruskan sistem Loan Management System bagi KPN;
- Mengurus perakaunan harta modal dan inventori;
- Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian, Pentadbiran dan Kewangan; dan
- Menguruskan Dana bagi tujuan pembayaran

Berikut merupakan kronologi penubuhan BA KPN pada tahun 2021 sebelum pengoperasian penuh pada 1 Januari 2022.

TAHUN	KRONOLOGI PENUBUHAN BA KPN
17 Disember 2020	Permohonan ke JPA bagi mewujudkan Bahagian Akaun di KPN.
29 Januari 2021	JPA telah bersetuju untuk meluluskan pewujudan Bahagian Akaun KPN dengan syarat memindahkan perjawatan sediaada ke Bahagian Akaun – Rujukan surat JPA.BPO (S)256/21/6 Jld.55(9).
1 Mac 2021	Kementerian Kewangan hanya meluluskan pindaan lima (5) perjawatan Bahagian Khidmat Pengurusan ke Bahagian Akaun melalui Waran Perjawatan bertarikh 24 Februari 2021.
6 Mei 2021	Mengemukakan semula permohonan pertambahan jawatan ke JPA. Isu perjawatan ini akan dibangkitkan oleh KSU KPN pada mesyuarat KSU dan KP bersama KSN pada bulan Mei 2021.
15 Jun 2021	JPA mengadakan perbincangan semula dengan KPN bagi permohonan ini.
4 Ogos 2021	Kementerian Kewangan meluluskan waran perjawatan bagi tambahan empat (4) jawatan baharu di Bahagian Akaun, KPN iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <li>Ketua Akauntan Gred WA54 (1 jawatan);</li> <li>Akauntan Gred WA41/44 (2 jawatan); dan</li> <li>Penolong Akauntan Gred W29/W32/W36 (1 jawatan)</li> </ol> Empat (4) jawatan W29 diluluskan lantikan secara kontrak.
1 September 2021	Puan Sh. Saidtul Fazilah Binti S. Azman Zurimy @ Ayeop Abd Khalil, Akauntan Gred WA54 telah dilantik sebagai Ketua Akauntan Bahagian Akaun KPN.
1 November 2021	Dua (2) Akauntan Gred WA41 lantikan baharu telah melaporkan diri di KPN bagi mengisi kekosongan Akauntan Gred WA41/44.
1 Januari 2022	Pengoperasian penuh Bahagian Akaun KPN sebagai Pejabat Perakaunan yang mana secara keseluruhannya terdapat 26 Pusat Tanggungjawab (PTJ) dibawah KPN dimana hanya lima (5) PTJ sahaja dibawah seliaan BA KPN dan selebihnya dibawah seliaan JANM Negeri dan Cawangan.

## AKTIVITI/ PROGRAM BAHAGIAN AKAUN

Selaras dengan penubuhan Bahagian Akaun pada tahun 2021 beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi persediaan penuh BA KPN bagi memulakan operasi penuh pada 1 Januari 2022.

### MESYUARAT PENUBUHAN DAN PENYELARASAN FUNGSI TUGAS BAHAGIAN AKAUN, KPN PADA 11 MAC 2021

Mesyuarat ini telah di pengrusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK) Kementerian Perpaduan Negara. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil dari Bahagian Akaun Jabatan Perdana Menteri, dan wakil dari Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP), Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dan Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

### MESYUARAT MENGENAI PENUBUHAN BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) PADA 1 OKTOBER 2021 BERSAMA JANM

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi), YBrs, Encik Redzuan bin Hasan dan dihadiri oleh wakil BPOPP, BPPP dan BPTM. Mesyuarat ini diadakan secara atas talian bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan sebelum BA KPN beroperasi penuh sebagai Pejabat Perakaunan. Berikutan dari mesyuarat tersebut, satu mesyuarat susulan telah diadakan pada 13 Oktober 2021 secara maya bagi membincangkan status terkini dan tindakan lanjut BA KPN untuk memulakan operasi pada tahun 2022. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah BPOPP iaitu Encik Rozaimi bin Idris.

### MESYUARAT BERSAMA BANK MUAMALAT SEMPENA PEMBUKAAN AKAUN BANK UTAMA DAN AKAUN TRANSIT (PEJABAT PERAKAUNAN) BAGI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA PADA 1 DISEMBER 2021

Bank Muamalat telah dipilih oleh JANM sebagai Bank Utama bagi KPN. Mesyuarat ini merupakan kunjungan mesra pihak Bank Muamalat bagi sesi suai kenal bersama pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menjaga akaun KPN.



Mesyuarat Bersama Bank Muamalat Sempena Pembukaan Akaun Bank Utama Dan Akaun Transit (Pejabat Perakaunan) KPN.

### TAKLIMAT PERSEDIAAN PENGOPERASIAN BA KPN BERSAMA PTJ KPN PADA 9 DISEMBER 2021

Satu taklimat bersama PTJ-PTJ KPN telah diadakan secara maya bagi persediaan ambil alih PTJ dari Pejabat Serah Tugas iaitu BA JPM ke Pejabat Terima Tugas iaitu BA KPN. Taklimat ini diadakan untuk memastikan pihak PTJ mengambil maklum akan perpindahan ini.

### BENKEL ARAHAN OPERASI AUTHORIZATION PEJABAT PERAKAUNAN BAHARU BA KPN PADA 28 DISEMBER 2021 ANJURAN BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM) JANM

Bengkel ini merupakan sesi *train of trainers* (TOT) yang dianjurkan oleh BPTM, JANM bagi memastikan *Local Administrator* (LA) yang telah dilantik bagi tugas-tugas berkaitan capaian sistem iGFMS mendapat pendedahan yang cukup. Bengkel ini telah dihadiri oleh Akauntan dari BA KPN dan pegawai teknologi maklumat KPN.

### BENKEL PERAKAUNAN PENGURUSAN: IGFMS MODUL PERAKAUNAN MYCOST BERSAMA PTJ KPN PADA 13 JULAI 2021

Bengkel ini telah diadakan secara atas talian bersama 26 PTJ di bawah KPN. Pihak BA KPN telah menjemput En Ahmad Faizal bin Muhamed Ali, Akauntan Kanan, BA JPM sebagai penceramah bagi Bengkel tersebut.



Bengkel Perakaunan Pengurusan: iGFMS Modul Perakaunan MyCOST bersama PTJ KPN pada 13 Julai 2021.

**VERIFIKASI MIGRASI DATA CLEANSING DAN PEMANTAUAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA KEWANGAN KPN PRA PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2020**

Aktiviti verifikasi Migrasi *Data Cleansing* dan Pemantauan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan KPN Pra Peralihan Tahun Kewangan 2020 telah dijalankan oleh pasukan *flying Squad* KPN secara hybrid di mana verifikasi ini dilakukan kepada semua PTJ-PTJ KPN. Pasukan *flying Squad* tersebut telah melakukan naziran di dua (2) PTJ iaitu di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Sembilan pada 6 April 2021 dan JPNIN Melaka pada 7 April 2022. Penemuan-penemuan bagi aktiviti verifikasi data Migrasi tersebut telah dikemukakan kepada JANM. PTJ disyorkan melakukan tindakan lanjut bagi penemuan tersebut.

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (JPPA) TAHUN 2021 KPN**

Mesyuarat JPPA bagi tahun 2021 ini telah diadakan sebanyak dua (2) kali dan menggunakan medium secara atas talian.

Mesyuarat JPPA bilangan 1 Tahun 2021 diadakan pada 26 Ogos 2021, manakala mesyuarat JPPA bilangan ke 2 di adakan pada 6 Disember 2021.



**GALERI SEKTOR PENGURUSAN 2021**



# LAPORAN BAHAGIAN

## SEKTOR DASAR

1. BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
2. BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT
3. BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
4. SECRETARIAT MAJLIS PERPADUAN

## BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

### LATAR BELAKANG

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa berperanan untuk merancang, menggubal, menyelaras dan memantau serta mengawasi pelaksanaan dasar-dasar sosial berkaitan perpaduan melalui program dan aktiviti untuk memastikan Visi dan Misi Kementerian tercapai. Bahagian ini juga menerajui usaha dalam memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

### OBJEKTIF

1. Merealisasikan Pelaksanaan Dasar-Dasar Perpaduan oleh semua pihak demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia; dan
2. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap Dasar Perpaduan Negara melalui perkongsian pintar (Smart Partnership) dengan kementerian yang berkaitan serta pihak swasta dan Badan Bukan kerajaan.

### PENYEDIAAN DAN PEMBANGUNAN PELAN-PELAN TINDAKAN DAN PEMERKASAAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab terhadap agenda perpaduan negara, KPN telah menggubal beberapa pelan tindakan dan pemerksaan seperti berikut:

#### I) KAMI @ PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021 - 2025

Sebagai menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan KAMI@ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 yang merupakan inisiatif berfokus dalam meraikan kepelbagaian di negara ini berlandaskan nilai dan ciri Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuruan.

Pelan ini dihasilkan bagi memastikan Kementerian Perpaduan Negara dapat menyusun dan melaksanakan segala inisiatif, program dan aktiviti yang diterajui yang ditetapkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dengan lebih terancang dan berkesan serta memberi impak kepada komuniti Keluarga Malaysia.

KAMI@ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 memberi tumpuan kepada empat (4) dimensi yang iaitu Karib; Aksesibiliti; Majmuk; dan Inklusiviti yang ringkasnya dinamakan sebagai KAMI sebagai simbolik kepada rasa kebersamaan dan meraikan perbezaan yang ada.



Bengkel Pemurnian Buku KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia, 17 – 19 Oktober 2021 di Hotel Novotel Kuala Lumpur



Bengkel Pemurnian Buku KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia, 20 – 21 Oktober 2021 di Hotel Westin Kuala Lumpur



Sesi Maklum Balas Rakyat KAMI @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021 – 2025 pada 14 November 2021



#### II) PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021 - 2030

Pelan ini merupakan inisiatif Kementerian untuk memperkasakan dan memperkukuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela dalam komuniti. Pelan pemerksaan ini telah dirangka dengan hala tuju yang jelas merangkumi strategi dan program yang boleh dilaksanakan bagi memacu keberkesanan agenda perpaduan dalam komuniti.

Pelan pemerksaan ini menggariskan lima (5) teras seperti memperkukuhkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan, memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional, meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawan, memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti dan memperkasakan kelompok komuniti.

Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 – 2030 telah dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Mantan Perdana Menteri pada 28 Februari 2021.



III) **PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021 - 2030**

Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021 – 2030 merupakan inisiatif Kementerian untuk memberi suntikan dan nafas baharu kepada program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan. Matlamat pelan ini adalah untuk memperkukuhkan dan memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Pelan ini menggariskan enam (6) teras iaitu memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan, memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), memantapkan profesionalisme dan kepakaran Guru Tabika Perpaduan, memantapkan tadbir urus pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan, mengukuhkan jalinan kerjasama Tabika Perpaduan bersama komuniti dan memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan.

Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan 2021 – 2030 telah dilancarkan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara pada 24 Julai 2021.



IV) **PELAN STRATEGIK NGO SEBAGAI RAKAN PERPADUAN**

Selari dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara dan juga Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, maka Pelan Strategik NGO Sebagai Rakan Perpaduan dirangka sebagai dokumen rujukan utama yang menetapkan hala tuju NGO pada masa akan datang. Pelan yang dijangka siap pada tahun 2022 ini diharap dapat memberi panduan yang jelas dan terperinci kepada pelbagai kumpulan NGO untuk merangka dan melaksanakan program bagi menyokong dan memacu keberkesanan agenda perpaduan negara.

Beberapa siri libat urus telah diadakan bersama wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan untuk mengenal pasti kerangka utama pelan strategik ini.



Sesi Libat Urus Bersama NGO Perpaduan Bagi Pembangunan Pelan Tindakan Rakan Perpaduan (Friends of Unity) pada 13 November 2021 di Kuala Lumpur

#### V) PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA 2021-2025

Pelan Strategik Kementerian Perpaduan Negara 2021-2025 merupakan rangka kerja 5 tahun yang komprehensif dan komitmen yang dipersetujui oleh Bahagian-Bahagian di KPN, JPNIN dan Bahagian Kampung Baru Cina secara bersama.

Dokumen Pelan Strategik ini menjadi rujukan utama KPN dalam menggerakkan agenda perpaduan dan integrasi nasional selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 serta Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12).

Sembilan (9) teras strategik yang telah dipasakkan dalam Pelan Strategik ini merupakan fokus dan keutamaan KPN dalam merangka program dan aktiviti bagi tempoh 5 tahun mendatang.



Sesi libat urus pemurnian Pelan Strategik KPN 2021-2025 pada 17-19 November 2021 bertempat di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur.

#### MAJLIS PELANCARAN DASAR PERPADUAN NEGARA DAN RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021 - 2030

Majlis Pelancaran Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Februari 2021 secara maya. Buat julung kalinya, Dasar Perpaduan Negara telah dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara yang merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep perpaduan yang diketengahkan adalah "Perpaduan dalam Kepelbagaian" bagi melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Dasar ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Januari 2021.



Pelancaran Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 secara maya oleh YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASIN, Perdana Menteri pada 15 Februari 2021.

#### MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021 - 2030 DAN KAMI@ PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021 - 2025

Majlis Pelancaran Pelan tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030 dan KAMI@ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021 - 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri pada 28 November 2021 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Majlis Pelancaran tersebut ini turut dihadiri oleh 200 orang dari kalangan ahli Jemaah Menteri, ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Ketua Jabatan Kerajaan, Ketua-ketua Agama, Jentera Rukun Tetangga, rakan / NGO Perpaduan, ahli Kelab Rukun Negara dan ahli Sekretariat Rukun Negara.



#### URUSETIA MESYUARAT PASCA KABINET KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sepanjang tahun 2021, Mesyuarat Pasca Kabinet telah diadakan sebanyak 12 kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri bagi membincangkan keputusan terkini kerajaan serta perkara-perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan oleh setiap bahagian.



## MENYELARAS PENYEDIAAN JAWAPAN BAGI SOALAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 36 Soalan Lisan dan Bukan Lisan bagi Dewan Rakyat dan sebanyak 29 Soalan Lisan dan Bukan Lisan Dewan Negara telah dijawab oleh YB Menteri Perpaduan dan YB Timbalan Menteri Perpaduan yang melibatkan isu-isu perpaduan dan integrasi nasional. Kementerian Perpaduan Negara turut terlibat dalam menjawab pertanyaan-pertanyaan dalam sesi penggulungan Belanjawan 2022 pada bulan November yang lalu. Berikut merupakan pecahan soalan mengikut kluster bagi penggal Parlimen yang lepas melibatkan Kementerian Perpaduan Negara:

### PARLIMEN YANG KEEMPAT BELAS PENGAL YANG KEEMPAT TAHUN 2021

BIL	KATEGORI	BILANGAN SOALAN				JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	USUL	MQT	
DEWAN RAKYAT						
1	DASAR DAN PERANCANGAN	9	4	-	-	13
2	RUKUN TETANGGA	-	-	-	-	0
3	HAL EHWAL MITRA	7	5	-	-	12
4	AKTA	1	-	-	-	1
5	TABIKA PERPADUAN / TASKA GENIUS	-	-	-	2	2
6	KEAGAMAAN	4	-	-	-	4
7	RUKUN NEGARA	1	-	-	-	1
8	IPNAS	2	1	-	-	3
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>10</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>36</b>

BIL	KATEGORI	BILANGAN SOALAN				JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	USUL	MQT	
DEWAN NEGARA						
1	DASAR DAN PERANCANGAN	5	2	-	-	7
2	RUKUN TETANGGA	1	-	-	-	1
3	HAL EHWAL MITRA	7	1	-	-	8
4	AKTA	-	-	-	-	0
5	TABIKA PERPADUAN / TASKA GENIUS	2	-	-	-	2
6	KEAGAMAAN	5	1	-	-	6
7	RUKUN NEGARA	2	-	-	-	2
8	IPNAS	-	-	-	-	0
9	COVID-19	2	1	-	-	3
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>29</b>

## URUSAN PENYEDIAAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM) DAN NOTA JEMAAH MENTERI (NJM), KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sepanjang tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan empat (4) Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan tiga (3) Nota Jemaah Menteri (NJM) dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

### PEMBENTANGAN KERTAS MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM)

BIL.	TAJUK MEMORANDUM	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Dasar Perpaduan Negara 2021-2030	20 Januari 2021
2.	Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030	20 Januari 2021
3.	Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan RT4ALL	10 Februari 2021
4.	Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030	11 Ogos 2021
5.	Penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Komuniti Daerah di Seluruh Negara	20 Oktober 2021

### PEMBENTANGAN KERTAS NOTA JEMAAH MENTERI (NJM)

BIL.	TAJUK NOTA JEMAAH MENTERI	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Pelan Tindakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030	30 Julai 2021
2.	Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022	7 October 2021
3.	KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025	26 November 2021

### PENYEDIAAN ULASAN BAGI MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM)

Bagi tahun 2021, sebanyak 13 Memorandum Jemaah Menteri (MJM) telah diterima yang dikemukakan oleh Kementerian dan agensi luar bagi mendapatkan ulasan Kementerian Perpaduan Negara.

### PENYEDIAAN MAKLUM BALAS DASAR KEPADA KEMENTERIAN DAN AGENSI LUAR

Melibatkan penyediaan maklum balas serta input bagi perkara berkaitan dasar atau maklumat berkaitan status terkini pelaksanaan program-program teras Kementerian kepada pelbagai pihak Kementerian dan agensi Kerajaan. Antaranya adalah input bagi laporan Konsultasi Dengan Badan-Badan Berkaitan Agama Hindu, Penjenamaan Semula Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama dan Penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Komuniti Daerah di seluruh negara



## PENCAPAIAN ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (AKM) 100 HARI YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

Semasa pembentukan Kabinet yang baharu pada 27 Ogos 2021, YAB Perdana Menteri menekankan budaya kerja berprestasi tinggi kepada seluruh jentera kerajaan yang baharu dan telah menetapkan supaya setiap Kementerian perlu membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang serta mencapai sasaran yang ditetapkan. Setiap Kementerian perlu membuktikan pencapaian awal mereka dalam tempoh 100 hari pertama bermula 1 September 2021 hingga 9 Disember 2021.

Antara AKM yang telah ditetapkan kepada YB Menteri Perpaduan Negara adalah seperti berikut:

BIL.	STRATEGI	INISIATIF	SASARAN & PENCAPAIAN
1.	Memperkuhkan peranan dan penglibatan komuniti bagi meningkatkan perpaduan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program Komuniti Sejahtera               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kerjasama Komuniti / NGO / pihak swasta – edaran kotak makanan kepada 50,000 penerima dalam kelompok komuniti yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</li> <li>ii. Ziarah Perpaduan beserta sumbangan keperluan kebajikan kepada 1,000 warga komuniti yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</li> </ol> </li> <li>2. Program Gaya Hidup Sihat Komuniti               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mewujudkan Pusat Mediasi Komuniti (Community Mediation Center) untuk kesihatan mental komuniti dengan kepakaran Kaunselor dan Mediator. 6 lokasi CMC di 6 negeri akan dikenalpasti:                   <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Selangor</li> <li>b) Johor</li> <li>c) Pulau Pinang</li> <li>d) WP Kuala Lumpur</li> <li>e) Perak</li> <li>f) Pahang</li> </ol> </li> </ol> </li> <li>3. Mewujudkan Perkhidmatan Mediator komuniti di:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i) 300 Pusat Rukun Tetangga; dan</li> <li>ii) 14 Pusat Aktiviti Perpaduan.</li> </ol> </li> </ol>	<p>Bilangan penerima kotak makanan RT Cares adalah seramai 52,000 orang. (104%)</p> <p>1344 orang penerima sumbangan kebajikan. (134.4%)</p> <p>6 CMC negeri telah kenalpasti selari dengan spesifikasi &amp; kriteria premis yang ditetapkan. Lokasi cadangan CMC tersebut adalah seperti di Lampiran.</p> <p>Penempatan MKP seramai 400 orang di 300 Pusat Rukun Tetangga (PRT) dan 14 Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) telah dikenalpasti.</p>

BIL.	STRATEGI	INISIATIF	SASARAN & PENCAPAIAN
2.	Memperluaskan jaringan kolaborasi strategik bagi menggerakkan program perpaduan Keluarga Malaysia.	<p>NGO-Friends of Unity</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan 50 Program Kesepaduan Sosial (NGO - Friends of Unity) mengikut kluster seperti berikut:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kluster Belia</li> <li>ii. Kluster Sosial</li> <li>iii. Kluster Pendidikan</li> </ol> </li> <li>2. Melaksanakan 50 Program Promosi Perpaduan bersama Persatuan/ Syarikat seperti :               <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Persatuan Kereta Sewa Malaysia</li> <li>ii) Persatuan Kopitiam Malaysia</li> <li>iii) Majlis Perwakilan Pelajar IPT</li> <li>iv) Food Truck</li> <li>v) Food Panda</li> </ol> </li> </ol>	<p>Sebanyak 62 program (124%) telah dilaksanakan mengikut 3 kluster.</p> <p>Sebanyak 66 program (132%) telah dilaksanakan.</p>



BIL.	STRATEGI	INISIATIF	SASARAN & PENCAPAIAN
3.	Meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India B40 di pelbagai peringkat	<p>Pemberian Bantuan:</p> <p>i. Pendidikan</p> <p><u>SJKT Bantuan Modal</u></p> <p>a. Pengenal pastian sebanyak 363 buah SJKT Bantuan Modal seluruh negara bagi meneliti / menilai keperluan sebenar bantuan yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 seperti berikut:</p> <p>I. MURID</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bantuan kelengkapan persekolahan (uniform, beg sekolah &amp; alatulis)</li> </ul> <p>II. SEKOLAH</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Peranti Talian Internet</li> <li>-Kerusi Meja Bilik Darjah</li> </ul> <p><u>PELAJAR SEMESTER PERTAMA IPT</u></p> <p>b. Seramai 3,200 pelajar India B40 yang menerima tawaran kemasukan pengajian tahun pertama IPT Sesi 2021/2022 akan mendapat bantuan kewangan pendahuluan persediaan ke IPT sebanyak RM1,000.00 bagi Ijazah Sarjana Muda dan RM500.00 bagi Diploma.</p> <p>II. MAKANAN</p> <p>BANTUAN MAKANAN</p> <p>Pemberian Kotak Makanan MITRA kepada seramai 83,000 orang Masyarakat India B40 yang terkesan akibat pandemik Covid-19 di bandar, luar bandar dan ladang.</p> <p>III. SOSIAL</p> <p>Bantuan Kewangan sebanyak RM300,000.00 bagi pengurusan pengebumian mayat Masyarakat India B40 mangsa COVID-19 dan bukan COVID-19</p>	<p>Sebanyak 15,723 meja dengan kos seunit RM 164.00 berjumlah RM 2,578,572.00 DAN sebanyak 15,983 kerusi dengan kos seunit RM 79.00 berjumlah RM 1,262,657.00 akan diberikan kepada 363 Sekolah Bantuan Modal Kerajaan. <u>Jumlah keseluruhan ialah RM 3,841,229.00</u></p> <p>Penyaluran secara one off sebanyak RM 1,000.00 akan diberikan kepada 2500 pelajar Ijazah Sarjana Muda dan RM 500.00 kepada 1500 pelajar jurusan Diploma melalui pihak BSN (Bank Simpanan Nasional). <u>Jumlah keseluruhan ialah RM 3,380,000.00</u></p> <p>Telah mengedarkan sebanyak 83,000 kotak di kawasan bandar, luar bandar dan ladang</p> <p>Program telah selesai dilaksanakan pada 31 Oktober 2021 dengan jumlah permohonan sebanyak 98 permohonan (RM300,000)</p>

Secara keseluruhan, pencapaian AKM 100 hari YB Menteri Perpaduan Negara telah mencapai 100% malahan terdapat pencapaian beberapa inisiatif dilaksanakan melebihi sasaran yang telah ditetapkan.

### PENCAPAIAN KPI KEMENTERIAN

Bagi tujuan peningkatan dan pemantauan perkhidmatan secara berterusan, sebanyak satu Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator, KPI) telah ditetapkan pada tahun 2021 iaitu Kajian Indeks Perpaduan Nasional 2.0. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih dilaksanakan pada tahun 2021, kajian tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan akan disiapkan sepenuhnya pada tahun 2022.

### MAKLUM BALAS, RINGKASAN DAN NOTA PERCAKAPAN

Sepanjang tahun 2021, Bahagian ini telah menyediakan tujuh belas (17) maklum balas, ikhtisar dan nota percakapan yang berkaitan dengan Kementerian yang diterima daripada pelbagai Kementerian seperti berikut;

BIL.	PERKARA	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1	Maklum Balas Bagi Laporan Ke-22 Kebebasan Beragama oleh U.S. Commission on International Religious Freedom (USCIRF)	Kementerian Luar Negeri (KLN)
2	Ministerial ECOSOC Special Meeting On "Reimagining Equality: Eliminating Racism, Xenophobia And Discrimination For All In The Decade Of Action For The SDGs	
3	The Interfaith Dialogue for the 8 <sup>th</sup> Malaysia-EU Senior Officials' Meeting (SOM)	
4	The 8 <sup>th</sup> Malaysia-EU Senior Officials' Meeting (SOM)	
5	Ikhtisar dan Nota Percakapan bagi Lawatan Rasmi YB Timbalan Menteri Luar Negeri Ke Turki, Qatar dan Iran	
6	Status Pelaksanaan Teras 5: Kewajipan Antarabangsa bagi Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP)	
7	Penambahbaikan dan Pengesahan Petunjuk (Indicators) Bagi Saranan Diterima Serta Maklum balas Susulan Bagi Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan Penilaian Berkala Sejangat (Universal Periodic Review) Ketiga Malaysia	
8	Ikhtisar dan Nota Percakapan bagi Lawatan Rasmi Timbalan Menteri Luar Negeri ke Azerbaijan, Jordan dan Oman	
9	Laporan Tematik Pelapor Khas PBB Isu Minoriti Berhubung 'Pencegahan Konflik Dan Perlindungan Hak Asasi Minoriti'	
10	Laporan Setiausaha Agung Mengenai Serangan Keganasan yang Didorong Oleh Sentimen Xenophobia, Perkauman dan Bentuk Sikap Tidak Bertoleransi Lain	
11	Ikhtisar dan Nota Percakapan bagi Negara Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu	

BIL.	PERKARA	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
12	Ikhtisar dan Nota Percakapan bagi Lawatan Rasmi Menteri Luar Negeri ke Republik Turki	Kementerian Luar Negeri (KLN)
13	Mesyuarat Rundingan Dua Hala antara Malaysia-Kenya	
14	Brief And Speaking Notes for the 4th Annual Foreign Ministers' Meeting (AFMM) Between Malaysia And Australia	
15	Laporan Negara Keenam, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
16	Laporan "Comparative Study on Social Welfare and Development Laws in ASEAN Project"	
17	Pelaksanaan Resolusi 74/230 Mengenai Budaya dan Pembangunan Lestari	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

### SESI PEMURNIAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) SEKTOR DASAR BAGI TAHUN 2022

Sebagai salah satu langkah untuk memastikan segala perancangan Kementerian Perpaduan Negara amnya, dan sektor dasar khususnya dapat direalisasikan, sektor dasar telah pun melaksanakan Sesi Pemurnian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Sektor Dasar bagi tahun 2022 yang telah diadakan pada 16 November 2021 bertempat di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA.

Seramai 25 orang pegawai telah hadir bagi membentangkan Sasaran Kerja Tahunan Bahagian masing-masing yang turut merangkumi Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA), Bahagian Perhubungan Masyarakat (BPHM), Bahagian Pembangunan Masyarakat (BPBM), Sekretariat Majlis Perpaduan Negara (SMP) serta turut dilibatkan pegawai-pegawai dari Unit-unit lain.

Sesi pemurnian ini diadakan selama satu (1) hari selain turut menjadi wadah kepada penyelarasan program-program di bawah sektor dasar sekali gus bagi memastikan perancangan program-program tersebut dapat direalisasikan.



Gambar-gambar sepanjang pelaksanaan Sesi Pemurnian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Sektor Dasar Bagi Tahun 2022.

## BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT

Bahagian Perhubungan Masyarakat (BPHM) memainkan peranan dalam menyelaras program dan aktiviti ke arah mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan serta memupuk keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Tahun 2021 merupakan kesinambungan dalam menghadapi cabaran menangani penularan jangkitan Covid - 19 di mana BPHM telah memainkan peranan yang signifikan dalam membantu menyelaras usaha-usaha serta langkah-langkah dalam membendung COVID-19. Antara program dan aktiviti utama BPHM sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut;

- i. Pengagihan geran bantuan kewangan kepada Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) dalam meringankan beban kewangan pihak pengurusan rumah ibadat selain Islam dalam pembiayaan kos-kos pembaikan, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah-rumah ibadat selain Islam;
- ii. Penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam, Pengurusan Pengebumian Orang Selain Islam dan Perayaan bagi Penganut Agama Selain Islam;
- iii. Pengendalian talian Hotline untuk membantu orang awam yang memerlukan maklumat berkaitan SOP terkini;
- iv. Sesi Perjumpaan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara Bersama Ketua-Ketua Badan Agama Selain Islam; dan
- vi. Pelaksanaan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas).

### LATAR BELAKANG

Bahagian Perhubungan Masyarakat (BPHM) adalah salah satu bahagian di bawah Sektor Perancangan dan Dasar Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan terdiri daripada tiga (3) seksyen seperti berikut:

- i. Seksyen Keharmonian Agama;
- ii. Seksyen Pengurusan Perpaduan; dan
- iii. Seksyen Kajian Petunjuk Perpaduan.

### OBJEKTIF

BPHM bertanggungjawab menyelaras usaha-usaha untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat, memupuk keharmonian dalam kalangan penganut agama dan memantau serta mengesan isu dan konflik yang berpotensi menggugat perpaduan dalam masyarakat.

### FUNGSI

Fungsi utama BPHM adalah seperti berikut:

- i. Memantau, mengesan dan menganalisis isu/ konflik/ insiden yang berpotensi menggugat keharmonian dan perpaduan negara;
- ii. Menyelaras, memantau dan menyediakan Laporan Pengesanan Isu Keharmonian dan Perpaduan Masyarakat kepada pengurusan tertinggi Kementerian;
- iii. Menyediakan input, menganalisis dan melaporkan hasil kajian indikator-indikator berkaitan perpaduan dan keharmonian rakyat;



- iv. Merancang dan menyelaras program/ aktiviti hubungan komuniti (contoh: mediasi komuniti);
- v. Menguruskan hal-ehwal berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan Jawatankuasa Keharmonian antara Penganut Agama (HARMONI);
- vi. Memelihara, meningkat dan mengukuhkan jalinan hubungan antara badan/ persatuan agama lain selain Islam;
- vii. Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program/ aktiviti badan/ persatuan agama lain selain Islam; dan
- viii. Menyelaras dan memantau isu serta permasalahan berkaitan hubungan antara agama lain selain Islam.

**PROGRAM BANTUAN KEWANGAN BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN, PENYELENGGARAAN DAN KERJA-KERJA KECEMASAN DI RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM (RISI)**

Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan bantuan kewangan bagi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat selain Islam (RISI) pada tahun 2021. Kementerian telah memperkenalkan Program Bantuan Kewangan Bagi Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan di Rumah Ibadat Selain Islam bagi mengagihkan kepada rumah ibadat selain Islam yang layak.


Matlamat utama program ini adalah untuk bagi meringankan beban kewangan pihak pengurusan rumah ibadat selain Islam dalam pembaikan dan penyelenggaraan rumah ibadat selain Islam. Pengagihan program bantuan kewangan dilaksanakan mengikut Garis Panduan yang telah dibangunkan bagi memastikan tadbir urus pengagihan bantuan kewangan dilaksanakan secara sistematik dan telus.

Antara keberhasilan daripada bantuan kewangan ini adalah untuk mengeratkan lagi kerjasama dengan rumah ibadat selain Islam (RISI) di seluruh negara sebagai rakan strategik yang melaksanakan program berunsurkan kesepaduan sosial yang secara langsung dapat membantu mencapai matlamat perpaduan nasional.

Pada tahun 2021 Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta bagi Program Bantuan Kewangan Bagi Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan di Rumah Ibadat Selain Islam. Sebanyak RM19,877,240.75 telah disalurkan kepada 400 buah rumah ibadat di semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

**JADUAL JUMLAH PERMOHONAN DAN JUMLAH PENYALURAN PERUNTUKAN MENGIKUT NEGERI PADA TAHUN 2021**


BIL.	NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PENYALURAN (RM)
1	JOHOR	74	4,070,622.50
2	KEDAH	13	578,341.40
3	KELANTAN	11	462,604.00
4	MELAKA	21	1,096,750.00
5	NEGERI SEMBILAN	19	876,915.80
6	PULAU PINANG	20	871,142.00
7	PAHANG	32	1,560,537.00
8	PERAK	59	2,824,312.95
9	PERLIS	3	143,800.00
10	SABAH	42	1,945,249.50
11	SARAWAK	6	320,000.00
12	SELANGOR	67	3,160,322.30
13	TERENGGANU	13	644,447.00
14	WP KUALA LUMPUR	19	1,272,196.30
15	WP LABUAN	1	50,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>400</b>	<b>19,877,240.75</b>



*Carta Peratus Penyaluran Peruntukan Mengikut Negeri Pada Tahun 2021*

AGAMA	JUMLAH PENYALURAN (RM)	JUMLAH PERMOHONAN
BUDDHA	6,192,392.70	133
TAO	5,349,141.80	110
HINDU	5,797,380.00	101
KRISTIAN	2,153,709.50	50
SIKH	384,616.75	6
<b>JUMLAH</b>	<b>19,877,240.75</b>	<b>400</b>

*Jadual Penyaluran Peruntukan Mengikut Agama Pada Tahun 2021*



Carta Penyaluran Peruntukan Mengikut Agama Pada Tahun 2021

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KEAGAMAAN SELAIN ISLAM

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, BPHM terlibat dalam penyelarasan dan penyediaan tiga (3) Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti berikut:

SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI)

SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang

SOP Perayaan Selain Islam

Sesi libat urus telah diadakan bersama agensi-agensi kerajaan, wakil-wakil ketua badan agama selain Islam dan lain-lain pihak berkepentingan semasa penyediaan SOP.

Sebanyak 22 SOP telah disediakan dan dikemas kini selaras dengan keputusan semasa Kerajaan ketika pandemik. SOP yang disediakan telah membantu mengawal penularan Covid-19 dan memudahkan pengurusan rumah ibadat, pengurusan pengebumian serta kehadiran orang awam ke rumah ibadat selain Islam bagi menunaikan ibadah keagamaan dan sambutan perayaan secara teratur semasa penularan Covid-19.

### TALIAN HOTLINE RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

Penyampaian perkhidmatan kerajaan yang efisien dan efektif sepanjang tempoh pandemik Covid-19 adalah suatu cabaran yang tidak dapat dielakkan. KPN telah mengambil inisiatif dengan menyediakan empat (4) talian hotline bermula 13 Januari 2021 bagi membantu orang awam untuk mendapatkan maklumat serta keputusan terkini kerajaan. BPHM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan talian hotline berkaitan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam, SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam dan SOP Perayaan Selain Islam.

Sepanjang tempoh 2021, BPHM telah mengendalikan sebanyak 921 panggilan telefon daripada orang awam untuk mendapatkan maklumat berkaitan SOP terkini yang sedang dikuatkuasakan.

### SESI PERJUMPAAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA KETUA-KETUA BADAN AGAMA SELAIN ISLAM

KPN telah melantik 14 orang ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Selain Islam yang mewakili agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Tao, Baha'i dan wakil dari Negeri Sarawak. HARMONI berperanan sebagai platform merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan badan-badan agama selain Islam serta sebagai medium berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

Pada tahun 2021, satu (1) sesi perjumpaan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara Bersama Ketua-ketua Badan Agama Selain Islam telah diadakan untuk menyempurnakan penyampaian watakah pelantikan kepada semua Ahli HARMONI selain Islam. Selain itu, KPN juga telah memberi penerangan mengenai Dasar Perpaduan Negara serta maklumat terkini semasa sesi perbincangan dan perkongsian pandangan secara dua hala di sesi perjumpaan tersebut.

### PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNAS)

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah satu instrumen bagi pengukuran tahap perpaduan dan keharmonian negara mengenai persefahaman yang wujud dalam kalangan masyarakat berbilang kumpulan etnik dan agama di Malaysia. Kajian IPNas telah dilaksanakan bagi mengukur tahap perpaduan negara dan pelaksanaan kajian ini adalah selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian IPNas dijangka selesai dilaksanakan pada tahun 2022.

Objektif Kajian IPNas adalah seperti berikut:

- i. Mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara untuk menggambarkan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia di peringkat nasional dan mengikut negeri.
- ii. Menghasilkan Laporan Indeks Perpaduan Nasional; dan
- iii. Mencadangkan sebuah pelan tindakan untuk memantapkan perancangan dan pelaksanaan program bagi meningkatkan tahap perpaduan di Malaysia berdasarkan hasil dapatan kajian.

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

### LATAR BELAKANG

Bahagian Pembangunan Masyarakat (BPBM) telah diwujudkan selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020. Bahagian ini menerusi Seksyen Kolaborasi Strategik, Seksyen Kesepaduan Sosial dan Seksyen Naziran bertanggungjawab untuk merancang, menyelia pelaksanaan dasar, strategi/inisiatif dan keberkesanan program/aktiviti kerjasama strategik, kesejahteraan sosial serta membuat penambahbaikan dalam proses kerja dan operasi sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan serta agensi di bawahnya.

### OBJEKTIF

Menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan memupuk kesepaduan sosial menerusi jaringan kerjasama antara agensi kerajaan, universiti, pusat latihan kemahiran dan sektor swasta melibatkan Jentera Perpaduan yang merangkumi Kawasan Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Taska Genius Perpaduan, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara ke arah pembudayaan perpaduan. BPBM juga menilai keberkesanan aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Tabika Perpaduan.

### FUNGSI

- i. Merancang dan menyelaras isu-isu kemasyarakatan/ komuniti di semua peringkat melalui entiti jentera perpaduan;
- ii. Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi/inisiatif dan keberkesanan program/aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial;
- iii. Merancang, meneroka dan menyelaras kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, universiti, pusat latihan kemahiran dan sektor swasta dalam pelaksanaan program/aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial;
- iv. Mengadakan lawatan dan naziran bagi program/ aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial secara berkala agar memastikan program dicapai mengikut sasaran dan outcome yang ditetapkan;
- v. Menyelaras, memudah cara dan menilai kebolehlaksanaan program/aktiviti kesejahteraan sosial berteraskan perpaduan dan keharmonian oleh badan bukan kerajaan, syarikat korporat dan sektor swasta;
- vi. Menyediakan input, petunjuk prestasi, maklum balas dan pelaporan program/ aktiviti; dan
- vii. Mengemas kini dan menyelenggara data/maklumat bagi tujuan perancangan, kajian semula, penyelidikan, intervensi dan penilaian program/aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial.

### PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA UNIVERSITI AWAM, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) & AGENSI/JABATAN KERAJAAN

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Pembangunan Masyarakat (BPBM) telah menguruskan kerjasama strategik dengan pihak Agensi Kerajaan, Universiti Awam dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Pihak yang menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) adalah seperti berikut:



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Tarikh menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pada 31 Mac 2021 merangkumi bidang kerjasama seperti berikut:

- (i) Membentuk komuniti sihat dan produktif melalui pembudayaan amalan cara hidup sihat dan norma baharu
- (ii) Menambah nilai program-program dan aktiviti-aktiviti Komuniti Perpaduan melalui penerapan elemen Pendidikan asas kesihatan serta pengawasan pencegahan COVID-19; dan
- (iii) Mewujudkan sukarelawan terlatih dalam kalangan Komuniti Perpaduan.

### UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Tarikh menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pada 9 April 2021 merangkumi bidang kerjasama dalam memperkasakan Pelan Tindakan Pembangunan Masyarakat India.

### KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

KPKT menerusi surat balas kepada KPN telah bersetuju untuk bekerjasama bagi pelaksanaan inisiatif Bomba UNITI di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan penubuhan pasukan-pasukan Bomba Uniti di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang terpilih.

### SESI LIBAT URUS BERSAMA NGO BAGI PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN RAKAN PERPADUAN (FRIENDS OF UNITY)

Selain itu, Sesi Libat Urus Bersama NGO Bagi Pembangunan Pelan Tindakan Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) telah diadakan pada 21 April 2021 serta 13 November 2021 bertempat di Westin Hotel Kuala Lumpur. Bengkel ini melibatkan sesi interaktif dan diskusi dalam kumpulan serta pembentangan hasil perbincangan kepada *stakeholders* di peringkat Kementerian.



Ucapan oleh YB Menteri



Majlis perasmian Sesi Libat Urus

### SESI RAMAH MESRA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA FRIENDS OF UNITY (FOU) NEGERI PERAK




Bagi tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah mengiktiraf 12 buah NGO sebagai Friends of Unity (FOU) dan rakan kerjasama strategik kepada Kementerian Perpaduan Negara. Pengiktirafan ini adalah bertujuan untuk menghargai usaha dan komitmen NGO dalam menjayakan program-program pengukuhan perpaduan serta aktiviti-aktiviti lain yang dilihat dapat menyokong dasar-dasar semasa Kerajaan. Senarai NGO tersebut adalah seperti berikut:

1. Kelab Kebajikan Wanita Kasih Perak Tengah, Perak
2. Persatuan Belia Behrang Stesen
3. Pertubuhan Aspirasi Dan Pembangunan Integrasi Kebangsaan Sungai Siput
4. Pertubuhan Anak-anak Yatim & Kebajikan Tapah
5. Pertubuhan Komuniti Prihatin Norma Baharu Malaysia
6. Persatuan Kebajikan Muafakat Anak Jati Kuala Kangsar
7. Persatuan Belia Bandar Diraja (MAYC)
8. Persatuan Kebajikan Amal Manjung
9. Kelab Sentuhan Kasih Komuniti Parit Perak
10. Kelab Rakan Malaysia
11. Persatuan Kebajikan Yee Slim River
12. Kelab Cakna Insaniah Warga Lenggong

### BENKEL TRAIN OF TRAINERS (TOT) NAZIRAN TABIKA PERPADUAN

BPBM di bawah Seksyen Naziran turut mengadakan satu Bengkel Trainers of Trainers (TOT) yang telah diadakan pada 28 Oktober 2021 secara maya. Bengkel ini adalah bertujuan untuk memberikan latihan dan panduan kepada pegawai naziran khususnya dalam pelaksanaan sistem naziran Tabika Perpaduan yang baharu diperkenalkan di Kementerian ini.

Bengkel ini juga turut memberikan pendedahan dan perkongsian bijak bersama wakil daripada Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan tatacara naziran yang dilaksanakan di pra sekolah di bawah seliaan KPM.



Tangkap layar paparan sekitar sesi ToT berlangsung secara atas talian

### PROGRAM WALKABOUT SANTAI YB MENTERI PERPADUAN NEGARA DI TAPAK FOODTRUCK LAPARK, KUALA LUMPUR

Program promosi ini merupakan simbolik kepada usaha untuk mengukuhkan asas-asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat di samping meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri tanpa mengira kaum, agama mahupun bangsa. Program ini telah diadakan pada 12 November 2021 pada jam 8.30 malam bertempat di LaPark, Kuala Lumpur.



YBhg. KSU bersama pihak LaPark dan YB Menteri bergambar bersama wakil Urus setia KPN



Sekitar tapak program



YB Menteri menyantuni pengusaha

### CITARASA KELUARGA MALAYSIA (CKM) 2021 RESTORAN SHAKE AND BAKE, IPOH, PERAK

Program Citarasa Keluarga Malaysia merupakan tapak integrasi baharu yang diketengahkan sebagai platform mengukuh jalinan interaksi Keluarga Malaysia yang berbilang bangsa. Restoran Shake & Bake telah diberi pengiktirafan sebagai Café Unity pada 15 Oktober 2021 yang disempurnakan oleh YB Menteri Perpaduan Negara.



YB Menteri ketika merasmikan program Citarasa Keluarga Malaysia di restoran Shake and Bake, Ipoh



### CITARASA KELUARGA MALAYSIA (CKM) 2021 MEDAN SELERA FAUZIAH FAMILY CAFE METROCITY, KUCHING, SARAWAK

Pelancaran Café Unity Citarasa Keluarga Malaysia yang ke-2 di Bandaraya Kuching, Sarawak pula diadakan pada 23 Oktober 2021. Medan Selera Fauziah Family Cafe Metrocity menjadi destinasi kedua selepas Shake & Bake Café di mana medan selera ini menyajikan variasi menu daripada pelbagai kaum.



YB Menteri menyampaikan plak CKM Foodcourt Unity kepada Medan Selera Fauziah Family Cafe Metrocity. Turut bersama YB Dato Sri Hajjah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Masyarakat Negeri Sarawak



## SEKRETARIAT MAJLIS PERPADUAN (SMP)

### LATAR BELAKANG

Sekretariat Majlis Perpaduan (SMP) yang diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merupakan satu sekretariat khas bertanggungjawab menyelaras dan menguruskan semua hal-ehwal berkaitan dengan pentadbiran dan pengoperasian Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) dan Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity). Pada asalnya sekretariat ini dikenali sebagai Sekretariat Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) ketika Sekretariat ini ditempatkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Namun, berikutan penubuhan KPN mulai 10 Mac 2020, Sekretariat MPKR telah dimansuhkan dan digantikan dengan SMP.

### OBJEKTIF

penubuhan Sekretariat Majlis Perpaduan (SMP) adalah bagi menyediakan forum untuk ahli-ahli MPPN dan MExUnity yang terdiri daripada pelbagai sektor masyarakat untuk mengemukakan buah fikiran bagi menentukan hala tuju pembangunan dasar perpaduan negara dan mengukuhkan usaha-usaha ke arah perpaduan nasional demi memelihara kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Jun 2020 telah meluluskan penubuhan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) di peringkat kebangsaan dan jawatankuasa-jawatankuasa perpaduan di peringkat kementerian dan negeri. MPPN bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) daripada pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan ke arah penyatuan nasional bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Pelantikan ahli-ahli MPPN telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bagi tempoh selama dua (2) tahun manakala majlis ditetapkan untuk bersidang setiap dua (2) bulan sekali. MPPN dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Pendidikan (Kluster Sosial) manakala YB Menteri Perpaduan Negara pula merupakan Timbalan Pengerusi MPPN. Keahlian MPPN terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat yang mewakili semua lapisan masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang mempunyai kredibiliti, berfikiran terbuka, bersifat neutral dan berpandangan konstruktif serta berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan.

### MExUnity

MPPN pula disokong oleh dua (2) buah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity) (asalnya dikenali sebagai Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara) yang telah ditubuhkan di peringkat Kementerian manakala Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (PADUNEGERI) di peringkat negeri. Jawatankuasa Perpaduan dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan keahliannya terdiri daripada Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio perpaduan dan hal ehwal agama selain Islam di setiap negeri manakala PADUNEGERI pula dipengerusikan oleh EXCO Perpaduan Negeri dan keahliannya pula adalah terdiri daripada para pegawai Jabatan/ Agensi di peringkat negeri serta wakil-wakil NGO, pihak swasta, ahli akademik dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam

bidang perpaduan. Kedua-dua Jawatankuasa ini menjadi platform untuk perkongsian mengenai perancangan program-program perpaduan dan inisiatif baharu Kementerian untuk digerakkan di peringkat negeri di samping mendapatkan maklum balas khususnya dari Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri mengenai isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Peranan MPPN adalah:

1. Menasihati kerajaan dalam hal-ehwal berkaitan perpaduan negara dan integrasi nasional;
2. Membantu kerajaan dalam mengukuhkan agenda perpaduan negara demi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara;
3. Menggalakkan lebih banyak usaha-usaha pemantapan perpaduan dan keharmonian ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*);
4. Mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik dan proaktif untuk menangani isu-isu berkaitan keharmonian dan cabaran-cabaran perpaduan; dan
5. Mengurangkan jurang yang menghalang perpaduan kaum ke arah pembinaan negara bangsa (*nation building*).

### PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA


BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity), Kementerian Perpaduan Negara Bilangan 1 Tahun 2021.	8 Jun 2021
2	Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN), Kementerian Perpaduan Negara Bilangan 1 Tahun 2021.	23 Disember 2021

### MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2021

Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan secara hibrid bertempat di Parlimen dan disertai oleh ahli-ahli mesyuarat secara maya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Pendidikan (Kluster Sosial) dan turut dihadiri oleh YB Menteri Perpaduan Negara selaku Timbalan Pengerusi MPPN dan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara selaku setiausaha mesyuarat. Mesyuarat ini menjadi landasan perbincangan antara KPN dan ahli-ahli MPPN mengenai dasar, cabaran perpaduan dan program yang dirancang oleh pihak Kementerian agar agenda perpaduan negara dan integrasi nasional dapat dipacu dengan strategik untuk kesejahteraan dan keharmonian masyarakat negara ini.

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERPADUAN (MExUnity) BILANGAN 1 TAHUN 2021**

Mesyuarat Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara telah diadakan secara atas talian pada 8 Jun 2021. Mesyuarat ini menjadi platform perbincangan antara Kementerian dan Kerajaan Negeri mengenai isu perpaduan, dasar dan program yang dirancang oleh pihak Kementerian untuk pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah. Di samping itu, forum ini juga menjadi landasan perkongsian maklumat antara pihak Kementerian dan YB EXCO-EXCO Perpaduan Negeri agar perancangan pihak Kementerian berkaitan dasar-dasar perpaduan dapat disambut dan digerakkan dengan penuh komitmen di peringkat negeri dan daerah melalui pelaksanaan program-program perpaduan yang seiring dan menyokong dasar-dasar tersebut. Manakala di peringkat negeri, Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta YB EXCO Perpaduan Negeri telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (PADUNEGERI) masing-masing bagi memastikan misi perpaduan dibawa secara bersepadu daripada peringkat pusat ke akar umbi. Mesyuarat ini diurus setiakan oleh Pengarah Perpaduan Negeri (PPN) di peringkat negeri masing-masing.



Mesyuarat Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity) Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan pada 8 Jun 2021 telah dihadiri oleh Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Perpaduan Negeri dan EXCO Hal-Ehwal Agama Selain Islam.



Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan secara hibrid bertempat di Parlimen.



YB Senator Datuk Dr. Mohd. Radzi bin Md. Jidin (gambar tiga dari kiri), Menteri Kanan Pendidikan mempengerusikan Mesyuarat MPPN dengan dibantu oleh Timbalan Pengerusi, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara.

# GALERI SEKTOR DASAR 2021



# LAPORAN AGENSI


1. JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)
2. UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)



# JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

## LATAR BELAKANG

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan sebagai badan pentadbiran negara pada zaman darurat berikutan dengan peristiwa hltam 13 Mei 1969. Ekoran dari itu, pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara telah diwujudkan di bawah perintah MAGERAN bagi menangani isu-isu berhubung perpaduan masyarakat dan pembinaan semula negara yang merupakan matlamat utama pada masa itu. Sejak penubuhannya pada tahun 1969, Jabatan Perpaduan Negara telah mengalami banyak transformasi sehingga kini.



## VISI

Pemacu Perpaduan Negara Ke Arah Kemakmuran Bersama Menjelang 2030

## MISI

Mempertingkatkan Dan Memperkukuh Kesepaduan Sosial Masyarakat Malaysia Melalui Usaha Penyatupaduan Berteraskan Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara Secara Inklusif


## MOTO

"BERSATU KITA MAJU"

## PERANAN

- Meningkatkan usaha mengukuhkan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Memperkasa hal ehwal perhubungan dan pembangunan komuniti.
- Mengukuhkan hal ehwal pendidikan awal kanak-kanak bagi Taska dan Tabika Perpaduan.
- Meningkatkan usaha penghayatan dan pembudayaan Rukun Negara.
- Menjadi rujukan dalam bidang perpaduan melalui penyelidikan.

## CARTA ORGANISASI



**UNDANG-UNDANG**


**1975 - 2011**

Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1, 1969



**2012 - KINI**

Akta Rukun Tetangga 2012



**PELAN STRATEGIK JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL 2021 – 2030**

Pelan Strategik JPNIN 2021 - 2025 ini adalah satu dokumen penting yang memperincikan strategi serta langkah yang perlu diambil oleh Jabatan bagi menghadapi lima tahun mendatang. Segala cabaran perlu diatasi dengan strategi dan pelan tindakan yang rapi bagi memastikan aspirasi kumpulan sasar di bawah tanggungjawab Jabatan ini tercapai.

Pelan Strategik JPNIN pada kali ini akan lebih fokus dan berpandukan kepada pendekatan berasaskan 3 dokumen utama Dasar Perpaduan iaitu Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021 - 2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 – 2030 dalam pelaksanaan program-program untuk kumpulan sasar. Beberapa transformasi telah dilaksanakan kepada mekanisme dan kaedah pelaksanaan program bagi memastikan kita bergerak dengan lebih lancar dan padu dalam mengejar misi serta visi yang telah kita tetapkan dan selari dengan agenda kebangsaan iaitu berjaya ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 kelak.

**PENCAPAIAN MENGIKUT TERAS STRATEGIK**



- TERAS STRATEGIK 1 Memantapkan Perpaduan Ke Arah Kemakmuran Dan Kesejahteraan Negara
- TERAS STRATEGIK 2 Mengukuhkan Patriotisme Ke Arah Keutuhan Negara
- TERAS STRATEGIK 3 Memperkasakan Khidmat Komuniti Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Sosial
- TERAS STRATEGIK 4 Meningkatkan Keselamatan Dan Keharmonian Komuniti
- TERAS STRATEGIK 5 Membudayakan Muhibah Dan Integrasi Nasional Bagi Meningkatkan Kefahaman Kepelbagaian Dan Sensitiviti Masyarakat
- TERAS STRATEGIK 6 Mengukuhkan Kecekapan Organisasi Ke Arah Penyampaian Perkhidmatan Yang Berkualiti

**PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA**

**PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN RUKUN TETANGGA 2021-2030**

Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 mengandungi lima (5) teras strategik yang akan memacu Rukun Tetangga ke arah kecemerlangan dengan memperkasakan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan dan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional, meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan, memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti dan memperkasa kelompok komuniti. Pelan ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Februari 2021 secara maya.



**PENCAPAIAN 2021**



### AGENDA KERJA KOMUNITI RUKUN TETANGGA (RT4ALL)

Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (RT4ALL) dihasilkan bagi memastikan pelaksanaan program KRT dibuat dengan lebih tersusun dan berfokus melalui empat (4) gerak kerja utama iaitu:

- I. GERAK KERJA KRT SEJAHTERA**  
Memfokuskan kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup
- II. GERAK KERJA KRT SELAMAT**  
Menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti
- III. GERAK KERJA KRT BERSIH DAN INDAH**  
Memfokuskan kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan kawasan komuniti
- IV. GERAK KERJA KRT SIHAT**  
Memfokuskan kepada program amalan gaya hidup sihat

**Gerak Kerja KRT Sejahtera**  
Memfokuskan kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup



**Gerak Kerja KRT Selamat**  
Menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti



**Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah**  
Memfokuskan kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan kawasan komuniti



**Gerak Kerja KRT Sihat**  
Memfokuskan kepada program amalan gaya hidup sihat

Pelancaran Program RT4ALL dengan tema “KRT Tonggak Perpaduan Komuniti” ini telah disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique pada 9 Mac 2021 bertempat di Dewan Damar Sari 1 & 2, Kompleks F, Putrajaya.



### BUKU PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN RUKUN TETANGGA

Buku Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga dihasilkan bagi dijadikan panduan dan rujukan oleh Rukun Tetangga untuk memantapkan lagi kecekapan tadbir urus Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara, khasnya dalam mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada komuniti setempat.





## PEMERKASAAN TABIKA PERPADUAN

PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021 – 2030

Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021- 2030 yang dibangun berteraskan Kurikulum Standard PraSekolah Kebangsaan (KSPK) memberi fokus kepada penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid. Inisiatif ini adalah bagi memastikan Tabika Perpaduan menjadi Institusi Prasekolah yang membentuk murid yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, mempunyai semangat cintakan negara dan memiliki akhlak yang mulia.

Pelan ini merangkumi enam (6) teras, 14 strategi dan 10 inisiatif baharu bagi mempertingkatkan kualiti Tabika Perpaduan dalam memastikan semua murid berpeluang menerima pendidikan yang berkualiti dan menepati matlamat penubuhannya sebagai tapak integrasi untuk menyemai dan memupuk semangat perpaduan.

Majlis pelancaran Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 telah dilancarkan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara pada 24 Julai 2021.



## PENJENAMAAN TABIKA PERPADUAN DAN TASKA GENIUS PERPADUAN

Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah merangka penjenamaan semula Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan dengan pelbagai pendekatan dan strategi. Salah satu inisiatif adalah dengan memperkenalkan logo Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Genius Perpaduan (TGP) dalam usaha meningkatkan imej dan identiti Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan. TP dan TGP sebelum ini menggunakan logo Kawasan Rukun Tetangga.



## STARTER KIT TABIKA PERPADUAN DAN TASKA GENIUS PERPADUAN

Bermula tahun 2021, murid-murid di Tabika Perpaduan dan Kanak-kanak Taska Genius Perpaduan diberikan Starter Kit sebagai salah satu penyuntik semangat kepada anak-anak untuk mengikuti sesi persekolahan di Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan. Starter kit ini mengandungi beberapa item sebagai keperluan untuk memasuki alam persekolahan.

Pemberian ini melibatkan semua murid di 1,781 buah Tabika Perpaduan dan kanak-kanak di 41 buah Taska Genius Perpaduan di seluruh Negara. Ini merupakan salah satu inisiatif KPN dalam mengurangkan bebanan ibubapa/penjaga dalam tempoh menghadapi wabak Covid-19.





## INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)

### LATAR BELAKANG IPNAS

- 1 Mula dijalankan pada tahun 2018
- 2 Diterajui bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
- 3 Kerjasama bersama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia UKM yang juga telah dilantik sebagai perunding
- 4 Pembinaan indeks ini telah mengambil kira amalan yang dilaksanakan di dalam dan luar negara
- 5 Penandaarasan kajian dibuat dengan negara-negara terpilih seperti New Zealand, Kanada dan Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion di Australia di mana mereka menggunakan konsep asas yang sama iaitu kesepaduan sosial
- 6 LIMA (5) DIMENSI KESEPADUAN SOSIAL :  
- Rasa kekitaan, Penyertaan, Kesamarataan, Pengiktirafan, Legitimasi, Keterangkuman

### OBJEKTIF

Menghasilkan satu indeks pengukuran nasional yang dapat menunjukkan suatu tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.


### KAJIAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL FASA 2 (IPNAS 2.0)

- **Matlamat IPNas 2022 ialah menghasilkan laporan indeks terkini untuk mendapatkan gambaran makro keadaan semasa perpaduan negara.**
- **Penambahan kepada analisis IPNas 2022:**
  - a. Bacaan Indeks Negeri-negeri
  - b. Bacaan Indeks Keluarga
  - c. Bacaan Demografi Etnisiti
  - d. Tahap Penerimaan Defisit Sosial

## LAPORAN ISU-ISU PERPADUAN


Bahagian Pengurusan Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bertanggungjawab dalam mengesan, memantau, mengenal pasti isu-isu / insiden yang boleh menggugat keharmonian dan Perpaduan Negara. Bagi tahun 2021, sebanyak 360 kes berkaitan isu-isu Perpaduan yang telah dikenalpasti dan direkodkan.

### TABURAN KESELURUHAN KLUSTER ISU PERPADUAN



KLUSTER	2021
Agama	65
Kenyataan Berbaur Kebencian	66
Kerajaan	133
Keselamatan	75
Perkauman	21
<b>JUMLAH</b>	<b>360</b>


### PERBANDINGAN TAHUNAN MENGIKUT KLUSTER 2020 DAN 2021






### TABURAN KLUSTER DAN SUB KLUSTER BAGI TAHUN 2021


Taburan Kluster dan Sub Kluster bagi Agama Tahun 2021



Taburan Kluster dan Sub Kluster bagi Kenyataan Berbau Kebencian Tahun 2021



Taburan Kluster dan Sub Kluster bagi Kerajaan Tahun 2021




Taburan Kluster dan Sub Kluster bagi Keselamatan Tahun 2021







Taburan Kluster dan Sub Kluster bagi Perkauman Tahun 2021



TABURAN KLUSTER KES MENGIKUT NEGERI



TABURAN KLUSTER KES MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2021



ANALISIS BILANGAN ISU MENGIKUT KAWASAN BAGI TAHUN 2021

A) KAWASAN BERISIKO TINGGI (HIGH RISK AREA)


KATEGORI	BANDAR / KAWASAN	JUMLAH KES 2021	PURATA KES / BULAN
Hotspot	Tiada	-	-
Tension Point	Bandaraya Kuala Lumpur	55	5
Pain Point	Alor Setar	16	1
	Bandar Klang	13	1
	Bandar Petaling Jaya	12	1

\*Kategori:


Hot Spot : > 5 kes sebulan ; Tension Point : 3-5 kes sebulan ; Pain Point : <3 kes sebulan




B) SUB KLUSTER BAGI BANDARAYA KUALA LUMPUR



TABURAN KLUSTER MENGIKUT TOP 10 PARLIMEN



JENIS KATEGORI ISU PERPADUAN




ISU PERPADUAN BERKAITAN KLUSTER AGAMA TAHUN 2021


Pada tahun 2021, sebanyak 65 kes telah direkodkan di bawah kategori kluster agama. Berikut merupakan perbandingan kes antara tahun 2020 dan 2021:

KLUSTER	SUB-KLUSTER	2020	2021
Agama	Pelbagai Isu Agama	48	28
	Pengurusan Rumah Ibadat Selain Islam	34	20
	Murtad / Pertukaran Agama / Ajaran Sesat	3	6
	Pengurusan Tanah Perkuburan dan Mayat Selain Islam	3	6
	Diskriminasi Agama	2	5
<b>JUMLAH</b>		<b>90</b>	<b>65</b>

TABURAN MENGIKUT SUB KLUSTER AGAMA BAGI TAHUN 2021



TABURAN ISU AGAMA MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2021



### PEMANTAUAN PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)


#### PEMATUHAN SOP RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM MENGIKUT NEGERI

Aktiviti Pemantauan Pematuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) telah bermula sejak Jun 2020 di seluruh negara. Pegawai-pegawai perpaduan telah dilantik sebagai pegawai pemantau, iaitu pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Seramai 652 orang pegawai perpaduan Gred 19 dan ke atas telah dilantik untuk urusan pemantauan ini.

Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi aktiviti keagamaan dan perayaan Selain Islam sentiasa dipatuhi oleh pihak pengurusan Rumah Ibadat Selain Islam dan penganut agama selain Islam. Aspek kesihatan dan keselamatan bagi penganut agama selain Islam merupakan fokus keutamaan dalam Aktiviti Pemantauan Pematuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam.

Seramai 652 pegawai telah dilantik bagi memantau pematuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam di Seluruh negeri. Sebanyak 14,183 pemantauan telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2021. Pemantauan dikategorikan kepada patuh, tidak patuh dan tidak beroperasi.

HASIL PEMANTAUAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2021




STATISTIK RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM YANG TELAH DIPANTAU

BILANGAN RUMAH IBADAT BERDASARKAN AGAMA						JUMLAH
Bahai	Buddha	Hindu	Kristian	Sikh	Tao	
1	621	578	1,150	37	713	<b>3,099</b>

Jadual 1: Bilangan rumah ibadat selain Islam yang telah dipantau dalam pemantauan pematuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam oleh pegawai pemantau berdasarkan agama pada tahun 2021.

Pemantauan Pematuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam Pada Tahun 2021



Bilangan pemantauan pematuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam yang dilakukan oleh pegawai pemantau di seluruh negara sepanjang tahun 2021 berdasarkan negeri.

### KETIDAKPATUHAN SOP RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM & TINDAKAN SUSULAN

BIL.	JENIS KETIDAKPATUHAN SOP RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM	JUMLAH
1	Tidak Menyediakan Penanda Jarak (1 Meter) Yang Mudah Dilihat di Atas Lantai	81
2	Tidak Menyediakan Kod QR My Sejahtera dan buku daftar	50
3	Tiada Petugas Memeriksa dan Mengawal Had Bilangan Kehadiran Yang Dibenarkan Dalam SOP	44
4	Tidak Memakai Pelitup Muka (Face Mask) dengan betul	33
5	Tidak Menjalankan Pembersihan Premis (disinfeksi) / Kerja-Kerja Sanitasi Selama 30 Minit Sebelum dan Selepas Setiap Sesi	28

Jadual 2 : Lima jenis ketidakpatuhan SOP Rumah Ibadat Selain Islam yang paling banyak dilakukan oleh pihak pengurusan RISI dan penganut.



Sekiranya didapati pihak pengurusan Rumah Ibadat Selain Islam atau penganut tidak mematuhi sesuatu SOP, pegawai pemantau atau pihak lain yang berkenaan akan mengambil tindakan susulan seperti yang berikut:

1. Memberi teguran dan penjelasan mengenai SOP kepada pihak pengurusan RISI
2. Mengadakan lawatan susulan terhadap RISI berkenaan
3. Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengeluarkan kompaun kepada pihak terbabit


**PEMANTAUAN PEMATUHAN SOP MENGIKUT PERAYAAN KEAGAMAAN**

Selain SOP Rumah Ibadat Selain Islam, pegawai pemantau turut menjalankan pemantauan pematuhan SOP khas bagi perayaan keagamaan selain Islam. Antara perayaan keagamaan selain Islam adalah:

• **UPACARA CHENG BENG / QING MING**

Upacara Cheng Beng / Qing Ming merupakan tradisi kedua terpenting bagi Kaum Cina selepas Perayaan Tahun Baru Cina. Masyarakat Cina akan mengambil peluang pulang ke kampung untuk menziarahi kubur nenek moyang atau orang tersayang. Jumlah pemantauan SOP yang dilakukan adalah sebanyak 114.


**Status Pemantauan SOP Upacara Cheng Beng / Qing Ming Pada Tahun 2021**



• **SAMBUTAN HARI WESAK**

Jumlah pemantauan pematuhan SOP yang dilakukan adalah sebanyak 399.


**Status Pematuhan SOP Sambutan Hari Wesak Pada Tahun 2021**



• **SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI**

Jumlah pemantauan pematuhan SOP yang dilakukan adalah sebanyak 241.


**Status Pematuhan SOP Sambutan Perayaan Deepavali Pada Tahun 2021**



• **SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS**

Jumlah pemantauan pematuhan SOP yang dilakukan adalah sebanyak 212.

**Status Pematuhan SOP Sambutan Perayaan Krismas Pada Tahun 2021**




**PEMATUHAN SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN SELAIN ORANG ISLAM**

Pegawai pemantau yang terdiri daripada Pegawai Perpaduan Gred 19 dan ke atas di seluruh negara telah melakukan pemantauan SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam mulai Mac 2021 hingga kini. Ia bertujuan untuk memastikan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi aktiviti pengebumian dan penghormatan terakhir sentiasa dipatuhi oleh masyarakat bukan Islam yang terlibat. Ia amat penting untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pihak berkenaan ketika berlakunya penularan wabak COVID-19.

Seramai 104 pegawai dari Seluruh negara telah ditugaskan bagi melakukan pemantauan dan sebanyak 163 pemantauan dilaksanakan. Pemantauan dikategorikan kepada patuh, tidak patuh dan tidak beroperasi.

### HASIL PEMATUHAN SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN SELAIN ORANG ISLAM TAHUN 2021




#### Lokasi Pengurusan Pengebumian Yang Dipantau Pada Tahun 2021



Bilangan lokasi pengurusan pengebumian selain orang Islam yang dipantau oleh pegawai pemantau di seluruh negara sepanjang tahun 2021

#### Pemantauan SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam



Bilangan pemantauan SOP pengurusan pengebumian selain orang Islam sepanjang tahun 2021 berdasarkan negeri

### PELAKSANAAN INISIATIF PENDIGITALAN 2021



## GALERI JPNIN 2021



Anta pengisian  
program-program JPNIN

## UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)

### LATAR BELAKANG

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam inisiatif pembangunan sosioekonomi masyarakat India Malaysia terutamanya bagi golongan B40.

Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia (PPSMI) merupakan inisiatif pembangunan sosioekonomi yang dilaksanakan melalui jalinan kerjasama antara MITRA dengan Institusi-institusi Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Tahun 2008 merupakan titik permulaan bagi MITRA apabila kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar melalui Jawatankuasa Kabinet (CCIC) untuk meningkatkan penyertaan masyarakat India dalam inisiatif Kerajaan.

Pada tahun 2014, empat unit berasingan telah ditubuhkan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat India Malaysia, iaitu Pasukan Petugas Pelaksanaan Khas (SITF), Pelan Tindakan untuk Masa Depan Sekolah Tamil (PTST), Sekretariat Khas untuk Pemerkasaan Usahawan India (SEED) dan unit khas untuk Pembangunan Sosioekonomi Komuniti India (SEDIC).

Seterusnya pada tahun 2017, Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (MIB) telah dilancarkan untuk mendokumentasikan cabaran dan isu yang dialami oleh masyarakat India berserta dengan cadangan penyelesaian. Pada tahun yang sama keempat-empat unit tersebut telah digabungkan di bawah satu unit tunggal yang iaitu SEDIC.

Pada tahun 2018, SEDIC telah di jenama semula sebagai MITRA. Perubahan Kerajaan pada Januari 2020, MITRA telah dipindah di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

### OBJEKTIF

Fungsi utama MITRA adalah untuk mengenal pasti isu dan cabaran semasa masyarakat India Malaysia, melaksana inisiatif pembangunan sosioekonomi bagi masyarakat India Malaysia dan menyelaras kerjasama antara Kerajaan dan pihak swasta ke arah pembangunan masyarakat India Malaysia secara holistik.

Bagi melaksanakan program-program tersebut, MITRA akan membuka permohonan kepada Organisasi (Badan Berkanun, Institusi Pengajian Tinggi, Kolej-Kolej atau Institusi-Institusi Latihan Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Sukarela, Syarikat atau mana-mana Organisasi yang ditubuhkan berdasarkan Undang-undang Negara yang sedang berkuat kuasa).

Pelaksanaan program tersebut adalah berdasarkan skop bantuan yang telah ditetapkan untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40.

## Visi - Misi - Moto



### Visi

Transformasi Masyarakat India Malaysia ke arah komuniti yang inklusif dan berdaya saing.



### Misi

Memperkasakan Masyarakat India Malaysia untuk perkembangan mampan dalam pendidikan, ekonomi, kesejahteraan sosial dan kecemerlangan insaniah.



### Moto

Perhubungan yang mesra dengan Masyarakat

## NILAI TERAS UTAMA



### MOTIVASI

Mencungkil motivasi individu untuk memperkukuhkan diri melalui program-program MITRA.



### INTEGRITI

Komitmen agensi yang berintegriti ke arah masyarakat India Malaysia yang lebih inklusif.



### KERJASAMA

Bekerjasama sebagai satu pasukan tanpa mementingkan diri sendiri, mencuba yang terbaik dalam sebarang keadaan untuk berganding bahu dan memberi maklum balas yang membina serta mengelakkan konflik peribadi.



### TANGGUNGJAWAB

Berdedikasi dalam merancang tindakan pengukuhan yang berterusan bagi mencapai kredibiliti dan kemampan inisiatif yang dirangka untuk pembangunan masyarakat India di Malaysia.



### PRIHATIN

Mewujudkan perhubungan optimistik dengan masyarakat melalui perhatian yang lebih fokus dan spesifik terhadap keperluan masyarakat India seiring dengan pembangunan nasional.

## SEKSYEN-SEKSYEN DI MITRA

### SEKSYEN DASAR DAN PENGURUSAN

Seksyen ini menyelia perancangan strategik, penggubalan dan kajian semula dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan sosioekonomi komuniti India. Seksyen ini juga turut memberi input kepada pihak berkepentingan mengenai arah tuju MITRA dari segi inisiatif, projek dan program yang dijalankan oleh unit ini secara keseluruhannya.

### SEKSYEN PROJEK STRATEGIK

Seksyen ini berfungsi sebagai agen pelengkap kepada kesemua inisiatif dan perancangan MITRA bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berstruktur, efisien dan menyeluruh. Bahagian ini akan menyelaras dan bekerjasama dengan sekisyen dalaman MITRA dan stakeholders lain bagi pelaksanaan program pembangunan sosioekonomi yang telah dirancang serta mengumpul segala data-data yang berkaitan masyarakat India.

### SEKSYEN PEMANTAUAN

Seksyen ini merancang operasi pemantauan dan berfungsi sebagai penyelar pemantauan pelaksanaan program sambungan dan baharu MITRA secara berkala serta menyelaras dan melaksana audit dalaman dokumen organisasi.

### SEKSYEN PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Seksyen ini menekankan kepentingan pendidikan dan pembelajaran bagi semua segmen masyarakat, termasuk kanak-kanak, pelajar, remaja dan belia serta orang dewasa. Seksyen ini berfungsi untuk memastikan pencapaian yang seimbang dalam pengetahuan, kemahiran serta nilai moral. Aspirasi pendidikan dan latihan adalah berlandaskan enam faktor termasuk etika dan kerohanian, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan.

### SEKSYEN EKONOMI DAN KERJAYA

Fokus utama sekisyen ini adalah ke arah penambahbaikan taraf kehidupan masyarakat India Malaysia sejajar dengan agenda pembangunan nasional. Inisiatif yang dirangka oleh Sekisyen ini akan membolehkan lebih banyak masyarakat terlibat dalam bidang keusahawanan digital, menyesuaikan diri dengan persekitaran perniagaan yang terkini dan lebih bersedia untuk peluang pekerjaan baru.

### SEKSYEN KESEJAHTERAAN SOSIAL

Seksyen ini berfungsi untuk menambahbaik sistem sokongan sosial seperti sistem keluarga, etnik, agama, dan sosial di peringkat komuniti. Antara fungsi utama Sekisyen ini adalah untuk meningkatkan peluang masyarakat India Malaysia khususnya yang dikategorikan sebagai B40 untuk mendapatkan bantuan dan sokongan kebajikan yang sedia ada. Kesejahteraan sosial merupakan faktor utama ke arah mencapai perpaduan dan kestabilan sosial, daya tahan dan kemakmuran masyarakat India Malaysia secara keseluruhan.

## SEKSYEN IDENTITI & KECEMERLANGAN INSANIAH

Seksyen ini berfungsi sebagai agen transformasi dalam inisiatif yang berkaitan dengan aspek kerohanian dan kefahaman budaya. Inisiatif tersebut akan menggalakkan pemikiran bermoral, tingkah laku yang baik serta gaya hidup yang sederhana dalam masyarakat melalui kerohanian yang seterusnya menghasilkan masyarakat India Malaysia yang holistik dari segi fizikal, emosi dan rohani.

## BANTUAN MODAL INSAN

- i. Program pendidikan, latihan dan kemahiran;
- ii. Bantuan kewangan pendidikan;
- iii. Bantuan keperluan pengajaran dan pembelajaran; dan
- iv. Bantuan infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Bantuan Modal.

## BANTUAN KEUSAHAWANAN DAN KERJAYA

- v. Pakej latihan keusahawanan dan kerjaya (termasuk peralatan latihan); dan
- vi. Bantuan peralatan, mesin atau perkakasan kepada peniaga kecil.

## BANTUAN KESEJAHTERAAN SOSIAL

- vii. Bantuan keperluan asas;
- viii. Bantuan saringan kesihatan, khidmat rawatan, bantuan alat perubatan;
- ix. Bantuan mangsa bencana;
- x. Program kerohanian dan kesejahteraan sosial; dan
- xi. Bantuan penyelenggaraan dan pembaikpulihan rumah kebajikan.



## GALERI MITRA 2021



Program Kotak MITRA di Bandar Putri Bangi



Program Kotak MITRA Pandan Mewah





Program 050921 Kotak MITRA Ladang Tanah Merah N Sembilan



Wawancara Program Kotak MITRA Selamat Pagi Malaysia



Program Kotak MITRA di Jelebu



Program Movak MITRA di Port Dickson

